



6TH NPPreUS NATIONAL PRE-UNIVERSITY SEMINAR

PEMBANGUNAN INSANIAH DALAM
PENDIDIKAN DI ERA DIGITAL

24 NOVEMBER 2022

DIANJURKAN OLEH



DENGAN KERJASAMA



npreus.com

E-PROCEEDING

NPPreUS 2022

**E-PROSIDING 6th NATIONAL PRE-UNIVERSITY
SEMINAR 2022
(6th NPreUS 2022)**

**“PEMBANGUNAN INSANIAH DALAM PENDIDIKAN DI
ERA DIGITAL”**

24 NOVEMBER 2022

EDITOR:

**NOOR HAZLEENA BINTI MOHD NOR HAZLEE
MIMIE SYAWALISA SALEHUDIN
MUHAMAD HILMEE BIN IZANEE
ZATI IWANI ISMAHADI
MOHD FAREZ BIN MOHAMMAD TAIB
SITI RAHAYU BINTI HASSAN**

**PUSAT MATRIKULASI
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR**

Cetakan Pertama 2022

© Pusat Matrikulasi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, bergambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak, Pusat Matrikulasi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:

Pusat Matrikulasi
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan
Tel: 603-8911700 Faks: 603-8925 4418
Laman Web: <http://npreus.com/>

Dicetak oleh:

Pusat Matrikulasi
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan
Tel: 603-8911700 ...Faks: 603-8925 4418
Laman Web: <http://npreus.com/>

Perpustakaan Negara Malaysia Data Penkatalogan-dalam-Penerbitan



eISBN 978-967-2649-80-9

ISI KANDUNGAN

1	Prakata	1
2	PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PEMBELAJARAN BERASASKAN VIDEO YOUTUBE DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) PENDIDIKAN ISLAM: KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH SEGAMPUT <i>Annasaii bin Jamar, Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi, Mohd Faez Ilias</i>	2
3	KONSEP ‘SUMMUM BONUM’: PEMATUHAN ETIKA ISLAM DALAM KALANGAN PENGINAP HOMESTAY PATUH SYARIAH DI SABAH <i>Suhailah Abdul Muin, Mohd Nor Azan Abdullah , Norcikeyonn Samuni</i>	9
4	PLURALISME vs PLURALISME AGAMA <i>Earnie Elmie binti Hilmi</i>	20
5	ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) ADOPTION AS A PART OF INTERPERSONAL SKILL DEVELOPMENT <i>Muhammad Fansuri Mohd Zahari, Nurul Nadirah Zakaria</i>	26
6	TINJAUAN POTENSI PEMBANGUNAN SEBUAH PERISIAN KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN INSANIAH BERTERASKAN ISLAM <i>Muhamad Hilmee bin Izanee</i>	30
7	CONCEPTS OF LITERATURE IN ISLAM AND IN WESTERN TRADITION <i>Nik Zuraihan Nik Mat Kamil</i>	43
8	THE TALE OF THE TWO LANGUAGES: THE QUEST IN UNDERSTANDING STUDENTS TOWARD ORAL COMMUNICATION <i>Nurul Nazira Binti Hamzah, Nor Ain Binti Manap</i>	48
9	MENELITI PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP PENDIDIKAN DAN KEMATANGAN POLITIK BELIA <i>Nor Azlina Endut, Rohaini Amin, Rosfazila Abd. Rahman</i>	62
10	KEBERKESANAN KAEDAH PERMAINAN DALAM SUBJEK PRINSIP PERAKAUNAN DI PUSAT MATRIKULASI, KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS) <i>Nur Fadhlina binti Mohamad Zabidey</i>	72
11	PENGGUNAAN KEMAHIRAN INSANIAH TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATEMATIK DALAM MENINGKATKAN MINAT KALANGAN PELAJAR ASASI TEKNOLOGI MAKLUMAT UIS <i>Nurul Nadirah Zakaria, Muhammad Fansuri Mohd Zahari</i>	78
12	PENGARUH BAHASA ARAB KE DALAM BEBERAPA DIALEK SABAH DAN LOGHAT MELAYU SEMENANJUNG <i>Nor Ain Manap, Rosmah Derak, Noorafini Kassim, Siti Nurul Aisyah Abd Hamid, Nurul Nazirah Hamzah, Noorhazleena Mohd Nor Hazlee</i>	87

- | | | |
|-----------|--|------------|
| 13 | PENGGUNAAN APLIKASI <i>YOUTUBE</i> DI DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB UNTUK PENUTUR BUKAN JATI | 111 |
| | <i>Nor Effendy b Ahmad Sokri, Muhammad Sirajuddin b Nik Ab Hadi</i> | |
| 14 | PENGGUNAAN KAMUS DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB; SATU TINJAUAN DI KALANGAN PELAJAR PUSAT MATRIKULASI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR | 118 |
| | <i>Hakimi Bin Abd Halim· Noor Hazleena Binti Mohd Nor Hazlee</i> | |
| 15 | THE KEY DETERMINANT OF SABAH'S YOUTHS TOWARDS THE AGROPRENEURSHIP; ADOPTING INTERNET OF THINGS (IOT) APPLICATIONS, IN THE DIRECTION OF GREEN PRACTICES AND SUSTAINABILITY | 128 |
| | <i>Rafidah Nordin· Wong Ling Chai· Azali Saudi C</i> | |

PRAKATA

BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaratuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, ucapan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana saya telah diberi peluang untuk menitip sepatah dua kata dalam e-Prosiding *Seminar Kebangsaan Pra-Universiti 2022 (6th NPreUS 2019)*, yang telah dianjurkan oleh Pusat Matrikulasi, Universiti Islam Selangor (UIS) dengan kerjasama Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Pusat Pengajian Asasi dan Umum, Universiti Selangor (Unisel).

Penganjuran seminar ini merupakan wadah perkongsian serta pelestarian ilmu dalam kalangan ahli akademik. Ia juga telah membuka peluang kepada ahli akademik dan para pembentang untuk mengemukakan pandangan, menunjukkan model pengajaran berkesan atau idea-idea baharu berdasarkan kepakaran yang dimiliki serta berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam bidang kepakaran masing-masing. Saya amat yakin bahawa seminar ini berupaya menganjak paradigma dan membuka minda ahli akademik terutama di dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Akhir kata, sekalung tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah berusaha dan berkerjasama dalam menjayakan seminar ini. Saya berharap agar seminar ini akan dapat diteruskan pada setiap tahun sebagai satu budaya ilmu dalam kalangan ahli akademik demi memperkasakan pendidikan di peringkat pengajian tinggi.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

NOR EFFENDY BIN AHMAD SOKRI

Dekan Pusat Matrikulasi

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

**PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PEMBELAJARAN BERASASKAN VIDEO
YOUTUBE DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) PENDIDIKAN
ISLAM: KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH SEGAMPUT**

Annasaii bin Jamar
annasaii@kuis.edu.my

Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi
salihinhafizi@kuis.edu.my

Mohd Faez Ilias
faeez@kuis.edu.my

Universiti Islam Selangor (UIS)

ABSTRAK

Pengaplikasian teknologi masa kini sangat penting khususnya dalam menghadapi era digital. Namun rata-rata kajian sebelum ini mendapati aplikasi youtube memberi impak yang negatif dalam pdp pelajar. Maka kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat persepsi tahap pengetahuan pelajar terhadap pembelajaran berasaskan youtube dalam pdp Pendidikan Islam. Seramai 116 orang pelajar di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Segambut telah dijadikan responden dalam kajian ini. Rekabentuk kajian dijalankan menggunakan kaedah tinjauan instrumen set soal selidik bagi mendapatkan data kajian. Data kajian dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 26. Hasil dapatan kajian mendapati analisis deskriptif keseluruhan tahap pengetahuan pelajar terhadap pdp berasaskan *Youtube* dengan nilai min 4.04 sisihan piawai 0.58. Diharap hasil dapatan kajian ini dapat memberi input penggunaan teknologi yang baik bagi para pelajar seiring dengan keperluan semasa agar dapat membentuk pengajaran dan pembelajaran menjadi interaktif dan menarik serta mampu meransangkan minat terhadap pdp Pendidikan Islam.

Kata kunci: *Pengetahuan, Youtube, Pengajaran dan Pembelajaran, Pendidikan Islam*

PENGENALAN

Penggunaan media sosial seperti YouTube merupakan satu keperluan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran kerana ciri-ciri eksklusif yang ada pada aplikasi tersebut mampu meningkatkan kefahaman pelajar dan mengembangkan potensi diri. Disamping itu, guru perlu lebih praktikal dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai salah satu bentuk bahan bantu mengajar di sekolah selaras dengan saranan Kementerian Pendidikan. Situasi ini dapat diperhatikan apabila pelajar – pelajar kurang berminat dan memberikan tumpuan serta sukar melaksanakan tugas ataupun kerja sekolah yang telah diberikan disebabkan oleh penggunaan kaedah berpusatkan guru di dalam bilik darjah (Norazura et al. 2010).

YouTube ialah platform memuatnaik pelbagai jenis video dalam laman Internet. Alexa Internet Corporation (2016) merekodkan YouTube sebagai tapak web kedua yang paling kerap dikunjungi dan melonjak daripada kedudukan ketiga pada tahun 2011. Kebanyakan kandungan aplikasi YouTube berbentuk video yang dihasilkan oleh seseorang individu atau organisasi secara professional atau amatir antaranya ialah klip video daripada filem, drama, muzik dan ceramah. Menurut Siddharth (2009), YouTube menjadi satu platform kegemaran bagi penyedia kandungan berdaftar persendirian ataupun “youtuber” untuk memuatnaik video tanpa had. Hal ini menyebabkan golongan muda gemar menggunakan aplikasi YouTube kerana dapat mencipta dan meraih populariti.

PERMASALAHAN KAJIAN

Terdapat kajian yang menyatakan pelajar-pelajar zaman sekarang tidak dapat memahami konsep yang sukar untuk difahami secara teori di dalam bilik darjah (Faizah, 2005). Selain itu, terdapat juga kajian yang menyatakan kurangnya bahan rujukan tambahan yang dapat membantu pelajar menyiapkan tugas, Mohd Yasin (2013). Selain itu, guru-guru masih lagi kurang mahir dalam mengintegrasikan bahan daripada portal dalam pengajaran di sekolah. Pelajar kurang berminat dalam kaedah pembelajaran tradisional (Mok, 2010).

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti persepsi pengetahuan pelajar sekolah mengenai pembelajaran berasaskan YouTube dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah pelajar-pelajar sekolah mengetahui mengenai pembelajaran berasaskan YouTube dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam?

KEPENTINGAN DAN KEBERKESANAN PEMBELAJARAN BERASASKAN TEKNOLOGI DAN ICT DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

Dalam membincangkan keberkesanan pembelajaran berasaskan teknologi, terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan dalam pelbagai peringkat sama ada di peringkat sekolah dan universiti. Perkara yang penting untuk ditekankan dalam hal ini adalah mengenai revolusi penggunaan teknologi berdasarkan peredaran zaman. ICT (Information and Communication Technology) telah memberikan satu transformasi yang besar dalam bidang Pendidikan terutama sekali berkaitan dengan aspek pengajaran dan pembelajaran (Rogayah & Mohd Aderi, 2016). Kini, penggunaan teknologi dan ICT sangat penting dalam dunia Pendidikan kerana penggunaannya dapat disesuaikan dalam diri pelajar. Pelajar-pelajar lebih berminat dan fokus terhadap teknologi.

Keputusan ICT dalam Pendidikan dapat dibuktikan dengan pernyataan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah menggariskan satu misi iaitu “memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia” dalam anjakan ke-7 yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025 (PPPM 2013-2025) (KPM, 2013).

Kementerian Pendidikan sangat memainkan peranan yang dominan terhadap penggunaan teknologi dan ICT dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Hal ini sangat bersesuaian dengan edaran zaman sekarang bahkan Pendidikan di Malaysia juga mampu berdiri setanding dengan Pendidikan di negara-negara maju yang lain.

Norazah & Ngau Chai Hong (2009) menyatakan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar, berkesan dan efisien melalui penggunaan media dan teknologi serta menyumbang kepada kepesatan dalam pendidikan termasuklah bidang Pendidikan Islam. Dalam hal ini, kehadiran teknologi baru akibat daripada revolusi industri 4.0 dapat membantu guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran serta membantu menambahkan kefahaman para pelajar. Tambahan pula, kehadiran teknologi dapat diterima ramai oleh semua golongan tidak kiralah dari golongan pendidik ataupun sebaliknya.

Selain itu, kajian Siti Fatimah & Ab. Halim (2010) menunjukkan persepsi guru j-Qaf adalah tinggi dalam penggunaan BBM berasaskan Teknologi Multimedia dalam pengajaran. Hal ini jelas membuktikan bahawa guru-guru sekarang gemar menggunakan teknologi sebagai BBM dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Mereka juga yakin dengan menggunakan teknologi zaman sekarang mampu meningkatkan prestasi akademik para pelajar.

Abdul Said Ambotang (2008) menyatakan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi akan mengubah cara pelajar mencari, menggunakan dan menyampaikan ilmu pengetahuan secara pesat dan membangun. Berdasarkan kepada kemudahan teknologi yang ada pada zaman ini untuk kepentingan pendidikan, pelajar-pelajar dapat belajar secara aktif kerana mereka mudah untuk mendapatkan maklumat dan dapat aplikasi pengetahuan dalam kehidupan seharian.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Kaedah tinjauan ini lazimnya digunakan secara holistik dalam jurusan pendidikan sebagai kaedah mengumpul data. Kajian tinjauan amat bermanfaat maklumatnya untuk mengumpulkan data yang berkaitan dengan kejadian yang tidak dapat dilihat secara lansung (Noraini, 2013). Tambahan pula, menurut Creswel (2005), kajian tinjauan merupakan satu proses dalam penyelidikan kuantitatif yang mana penyelidik menjalankan satu tinjauan terhadap sampel kajian atau keseluruhan populasi.

Pengkaji menyediakan set soal selidik sebanyak 116 bagi mendapatkan analisis yang lebih jitu. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah persampelan keberangkalian (rawak). Dalam kaedah ini pula, pengkaji menggunakan jenis persampelan rawak mudah. Persampelan rawak mudah adalah satu proses pemilihan sampel di mana semua individu dalam populasi tertentu mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel. Persampelan rawak mudah merupakan kaedah terbaik untuk mendapatkan sampel yang mewakili populasi. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) version 26.0.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini, penyelidik menggunakan data yang merujuk kepada borang soal selidik. Secara keseluruhannya, sebanyak 116 borang soal selidik telah dianalisis untuk menentukan kekerapan dan peratusan bagi setiap item berdasarkan persoalan kajian.

DEMOGRAFI RESPONDEN

Fokus kajian ini adalah terdiri daripada 116 orang pelajar yang menuntut di Sekolah Menengah Kebangsaan Segambut Jaya. Tingkatan yang terlibat adalah antara tingkatan 1, 2 dan 3.

PERSOALAN KAJIAN: APAKAH TAHAP PERSEPSI PENGETAHUAN PELAJAR SEKOLAH MENGENAI PEMBELAJARAN BERASASKAN YOUTUBE DALAM KONTEKS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM?

Bagi menghuraikan jawapan kepada persoalan kajian, 10 item telah digunakan dalam menguji pengetahuan pelajar-pelajar sekolah mengenai pembelajaran berasaskan YouTube dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

No.	Item	Min	intepretasi
1	Saya gemar menggunakan aplikasi YouTube kerana mudah diakses.	4.41	Tinggi
2	Aplikasi YouTube membantu dalam Memperolehi maklumat yang baru.	4.20	Tinggi
3	Saya mendapatkan maklumat berbentuk video dan animasi dalam aplikasi YouTube.	4.27	Tinggi
4	Saya mempercayai aplikasi YouTube sebagai medium pembelajaran interaktif.	3.79	Sederhana Tinggi
5	YouTube mampu menarik minat saya kerana mempunyai elemen audio dan visual.	4.25	Tinggi
6	Aplikasi YouTube lebih mudah difahami dan dipelajari terutama dalam bidang agama.	4.25	Tinggi
7	Saya menjadikan video pembelajaran di YouTube sebagai rujukan dan bahan ulangkaji.	3.94	Sederhana tinggi
8	Saya memanfaatkan Aplikasi YouTube untuk berkongsi ilmu Pendidikan Islam.	3.71	Sederhana tinggi
9	Maklumat dalam YouTube perlu ditapis dan disemak terlebih dahulu,	4.05	Tinggi
10	Aplikasi YouTube mampu Merangsang minat para pelajar terhadap pembelajaran.	3.97	Sederhana tinggi

Min keseluruhan:		4.04	
------------------	--	------	--

Terdapat 10 item yang terkandung dalam konstruk ini. Dapatan kajian menunjukkan interpretasi skor min pada bahagian konstruk ini berada pada tahap tertinggi dengan nilai 4.04. Hal ini jelas menunjukkan bahawa persepsi pengetahuan pelajar terhadap aplikasi YouTube berada pada tahap yang sangat baik serta memuaskan. Hakikatnya, pelajar-pelajar mengetahui akan kewujudan aplikasi YouTube dan sering menggunakannya dalam kehidupan seharian.

Berdasarkan dapatan kajian ini iaitu pada item “Saya gemar menggunakan aplikasi YouTube kerana mudah diakses” dengan min = 4.41. Analisis daripada item ini menunjukkan bahawa item ini mempunyai nilai skor min tertinggi dalam konstruk ini. Ini bermakna pelajar-pelajar mempercayai dan berpuas hati dengan penggunaan aplikasi YouTube kerana mudah diakses setiap masa sekaligus mempermudah urusan pelajar. Dapatan ini membuktikan bahawa aplikasi YouTube merupakan aplikasi yang terbaik dan berguna sebagai medium pengajaran dan pembelajaran.

Kajian lepas daripada Norizah Aripin et al. (2018) mengatakan bahawa YouTube merupakan salah satu aplikasi yang mudah dan sesuai digunakan oleh golongan muda. Fakta ini selari dengan kajian ini iaitu didapati 50.0% pelajar sangat setuju dan 44.0% bersetuju bahawa mereka gemar menggunakan aplikasi YouTube sebagai medium yang terbaik dalam proses pengajaran dan pembelajaran terutama bagi subjek Pendidikan Islam.

Hal ini bersesuaian bagi pembelajaran hari ini yang menuntut agar pelajar belajar secara teradun dengan menggunakan teknologi yang serba canggih. Pembelajaran teradun (blended learning) adalah amalan pengajaran yang menggabungkan mod teknologi atas talian dan mod pengajaran bersemuka secara tradisional yang melibatkan sesi pengajaran dan pembelajaran. Melalui penggunaan kaedah pembelajaran teradun dalam pengajaran dapat membangunkan serta meningkatkan pemikiran kritikal pelajar dalam mendalami pembelajaran tersebut (Nurul Nadirah & Fariza Khalid, 2016).

Justifikasi ini jelas menunjukkan bahawa pembelajaran teradun iaitu pembelajaran berasaskan internet dan penggunaan teknologi memberi impak yang positif kepada diri pelajar seperti membantu pelajar lebih cepat memahami sesuatu ilmu dan pengetahuan yang baharu. Oleh itu, penggunaan aplikasi YouTube pada zaman sekarang amat digalakkan dan berkepentingan dalam pengajaran dan pembelajaran terutama untuk mencari maklumat yang baharu terutama bagi subjek Pendidikan Islam.

Selain itu, terdapat 37.9% responden bersetuju dan 24.1% responden sangat setuju pada item “Saya memanfaatkan aplikasi YouTube untuk berkongsi ilmu Pendidikan Islam” dengan skor min = 3.71. Walaupun item ini merupakan min yang terendah dalam konstruk tersebut, namun masih terdapat pelajar-pelajar yang memanfaatkan aplikasi YouTube untuk tujuan perkongsian ilmu Pendidikan Islam. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan Norhayati Mat Ghani & Suriati Ghazali (2015) iaitu aplikasi YouTube berperanan penting membantu pelajar terhadap penyebaran maklumat melalui video.

Melalui dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa pelajar-pelajar menggunakan aplikasi YouTube sebagai pengantara untuk berkongsi maklumat dan pengetahuan kepada rakan-rakan mahupun orang awam. Melalui butang ‘share’ pada paparan skrin di aplikasi tersebut lebih membantu pelajar untuk berkongsi sebarang maklumat dengan pantas. Selain itu, dapatan kajian tersebut memberi satu gambaran bahawa aplikasi YouTube mempunyai manfaat yang besar dan berguna kepada pelajar-pelajar sekolah.

Hakikatnya, penyebaran ilmu bukan sekadar daripada pembelajaran bersemuka, malah ia juga boleh disebarluaskan melalui medium YouTube. Terdapat banyak maklumat yang boleh dicapai melalui penggunaan internet seperti Facebook, YouTube, Whatsapp dan sebagainya serta ia merupakan sumber maklumat yang mudah dicari dengan menggunakan hujung jari. (Johari Hassan & Raja Shahrina Raja Abdul Rashid, 2012). Hal ini menunjukkan bahawa aplikasi seperti YouTube dalam rangkaian internet mempunyai banyak maklumat yang boleh diperolehi. Daripada dapatan kajian penyelidikan, menunjukkan bahawa aplikasi YouTube merupakan aplikasi yang pantas dan cepat untuk berkongsi sebarang maklumat yang bermanfaat.

Selain itu, bagi item “Maklumat dalam YouTube perlu ditapis dan disemak terlebih dahulu” dengan skor min = 4.05. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Segambut Jaya mengetahui bahawa maklumat dalam YouTube perlu ditapis dan disemak terlebih dahulu dengan jumlah responden seramai 37.9% sangat setuju dan 33.6% bersetuju berdasarkan kenyataan tersebut.

Fungsi aplikasi YouTube yang mudah untuk memuatnaik sebarang video menyebabkan kandungannya mudah terdedah kepada anasir-anasir yang negatif. Sebagai contoh penyebaran ilmu dan ajaran sesat serta dakwah negatif yang mampu mempengaruhi pegangan dan akidah pelajar-pelajar boleh menyebabkan akidah seseorang terpesong sekiranya kandungan dan maklumat dalam aplikasi YouTube tidak ditapis terlebih dahulu. Menurut Nadia Fauzi (2017), salah satu cabaran yang dihadapi oleh masyarakat terutama golongan pelajar adalah berkenaan dengan ketulenan atau kesahihan sesuatu berita atau maklumat yang dibaca di ruangan internet.

Hal ini selari dengan dapatan kajian daripada Norizah Aripin et al. (2016) iaitu kandungan maklumat berunsurkan agama dalam YouTube perlu disemak dan ditapis terlebih dahulu kandungan yang tersedia dalam aplikasi tersebut agar pengguna tidak mudah terjatuh ke dalam ruang ilmu yang salah dan meragukan. Maka, sebagai pengguna YouTube yang menggunakannya sebagai medium pengajaran dan pembelajaran perlu mempersiapkan diri dengan ilmu yang mendalam terutama dalam bidang agama agar diri tidak mudah tertipu dengan berita atau maklumat palsu dan meragukan.

KESIMPULAN

Hasil kajian yang didapati daripada kajian ini memberi implikasi yang positif terhadap penggunaan aplikasi YouTube sebagai transformasi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan Segambut Jaya. Pengkaji telah mengemukakan beberapa implikasi kepada pihak-pihak yang tertentu iaitu pelajar, guru-guru dan pihak sekolah. Dapatan daripada hasil perbincangan kajian, terdapat beberapa implikasi yang dapat disentuh dan membuka mata pihak-pihak tersebut. Oleh itu, pihak-pihak yang terbabit dapat menambahbaik dan mengaplikasikan YouTube dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

RUJUKAN

- Bernama. (2020, 05 08), 52 peratus pelajar Sabah tiada akses internet. Retrieved 10 06, 2020, from Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/686499/52-peratus-pelajar-sabah-tiada-akses-internet>.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Nor Hayati Alwi, Azimi Hamzah, Lukman Abd. Mutalib (2013). Pemahaman Dan Pengalaman Guru Pendidikan Islam Menerapkan Elemen Amalan Dalam Pengajaran. *The Online Journal of Islamic Education*. Jil 1.

- Hudiya Adzhar, Aidah Abdul Karim, Muhammad Uzair Sahrin. (2017). Pembangunan Instrumen Penerimaan E-Pembelajaran Pelajar Pascasiswazah Menggunakan Analisis Rasch. *Jurnal pendidikan Malaysia*.
- Ibnu Hajar (2018). Youtube Sebagai Sarana Komunikasi Dakwah Di Kota Makassar. *Jurnal Al-Khitabah. Jurnal Jurusan Komunikasi dan Penyiaran Islam. Jil 2, November 2018*.
- Kamaruddin Ilias & Che Aleha Ladin (2018). Pengetahuan Dan Kesediaan Revolusi Industri 4.0 Dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. Universiti Malaya*.
- Kamarul Azmi Jasmi (2013), Pembelajaran Aktif Dalam Pendidikan Islam: Pengamalan Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Nor'Aini Mohamed, Nor'Aini Mohamed Nor, Mahamsiatus Kamaruddin, Azlin Mohd Rosdi, Mustaffar Abdul Majid, Mohamed Nazul Ismail, Muhammad Taufik Hidayat Othman (2017). Kebolegunaan Video Youtube Dalam Pembelajaran Animasi Menggunakan Blender. *IPG Kampus Pendidikan Teknik. Jurnal Penyelidikan Teknokrat II Jilid XIX Disember 2017. Jabatan Teknologi Pengkomputeran IPG Kampus Pendidikan Teknik*.
- Norhayati Mat Ghani & Suriati Ghazali. (2015). Tindak Balas Pengguna YouTube Terhadap Kes Buli dalam Kalangan Remaja di Malaysia. *Universiti Sains Malaysia*.
- Norizah Aripin, Awan Ismail, Nik Adzrieman Abdul Rahman, Mohd Nizho Abdul Rahman (2018). Penerimaan Dan Penggunaan Youtube Sebagai Sumber Maklumat Agama: Satu Perspektif Dari Segi Jantina. *Al-'Abqari Journal of Islamic Social Sciences Humanities. Jil 15 (2018) . Universiti Utara Malaysia*.
- Norizah Aripin, Mohd Sobhi Ishak, Nik Adzrieman Abdul Rahman, Mohd Nizho Abdul Rahman, Mot Madon, Mohd Faisal Mustafa. (2016). "Youtube" Dan Generasi Muda Islam: Satu Pendekatan Kelompok Fokus Dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Universiti Utara Malaysia. Jurnal Komunikasi. Jilid 32*.
- Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul, Roseamnah Abd. Rauf. (2013). Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Nurul Syuhada Johari, Fathiyah Mohd Fakhruddin, Asmawati Suhid (2016). Pendekatan Dan Kaedah Pengajaran Ibadah Solat Guru Pendidikan Islam Menurut Perspektif Murid. *Online Journal of Islamic Education. Jil 4*.
- Shah Rulbani Zakari & Mohd Isa Hamzah, Khadijah Abdul Razak. (2017). Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Pendidikan Islam di Politeknik Zon Selatan. *Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Siti Hajar Halili & Rageni Sugumaran (2019). Faktor Mempengaruhi Penggunaan Video Youtube Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Dalam Kesusasteraan Tamil. *Jurnal Kurikulum & pengajaran Asia Pasifik. Jil 7*.
- Syamsulaini Sidek & Mashitoh Hashim (2016). Pengajaran Berasaskan Video dalam Pembelajaran Berpusatkan Pelajar: Analisis dan Kajian Kritikal. *Journal of ICT in Education (JICTIE)*.
- Yon Rafizah Hanim Samsudin, Saidatul Maizura Sahimi, Farah Mohamad Zain, Nabila Akbal Noorul Kamar, Foo Kok Keong, Hanafi Atan, Zuraidah Abdul Rahman, Omar Majid (2007). Sistem E-Pembelajaran Beradaptif Berasaskan Stail Pembelajaran Barsh. *Universiti Sains Malaysia*.

KONSEP ‘*SUMMUM BONUM*’: PEMATUHAN ETIKA ISLAM DALAM KALANGAN PENGINAP HOMESTAY PATUH SYARIAH DI SABAH

Suhailah Abdul Muin¹
drsuhailah@ums.edu.my

Mohd Nor Azan Abdullah²
azan@ums.edu.my

Norcikeyonn Samuni³
uncuyunn89@yahoo.com

Universiti Malaysia Sabah

ABSTRAK

Pelancongan merupakan satu ibadah di mana ianya perlu dilaksanakan dengan niat dan tujuan yang baik untuk mengelakkan perkara yang dilarang oleh syarak. Pencegahan terhadap perkara-perkara yang dilarang oleh Islam (*mafsada*) terkait dengan etika seseorang individu yang membawa kepada ‘*Summum Bonum*’ iaitu prinsip kebaikan tertinggi. Hal ini selaras dengan usaha memperkasakan Model *Homestay* Patuh syariah di Sabah yang mana setiap pengusaha penginapan perlu menekankan kepentingan pengaplikasian ciri-ciri pematuhan etika dalam kalangan pelanggan atau penginap. Terdapat empat (4) ciri-ciri dalam aspek etika pelanggan atau penginap yang diketengahkan dalam kajian ini iaitu penginap berpakaian yang menutup aurat, menjaga adab dan akhlak, penginapan dalam kalangan mahram, dan sentiasa menjaga kebersihan diri dan ruang penginapan. Kaedah utama yang digunakan bagi mendapatkan data kajian adalah menggunakan teknik temubual dan juga penggunaan soal selidik sebagai alat pemerhatian (senarai semak) ketika di lapangan. Penekanan terhadap prinsip ‘*Summum Bonum*’ perlu diterapkan mencapai keredhaan Allah SWT dapat dimanifestasikan secara sempurna.

Kata Kunci : *Summum Bonum, Etika, Pelanggan atau Penginap, Homestay Patuh Syariah, Pelancongan Islam*

Pengenalan

Pelancongan Islamik tidak hanya terhad kepada pelancongan berbentuk motivasi agama semata-mata tetapi merangkumi semua bentuk pelancongan yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam, (Shakiri, 2006). Pelancongan Islamik juga merujuk kepada pelancongan Islam yang mengembara ke pelbagai destinasi atas tujuan keagamaan (Zamani-Farhani dan Henderson, 2010). Secara rumusnya, pelancongan islamik didefinisikan dengan rangkuman pelbagai elemen seperti kegiatan, destinasi, produk, dan nilai berlandaskan motivasi ajaran Islam yang melibatkan pengendali dan pelancong.

Kehadiran seramai 5.32 juta pelancong Muslim di Malaysia pada tahun 2019 yang membelanjakan kira-kira RM16.72 bilion membuktikan bahawa pelancongan islamik mempunyai

pasaran yang berpotensi besar untuk dimajukan, (Harakah Daily, 22 Julai 2022). Tambahan lagi, Datuk Dr Mohmed Razip Hasan iaitu Ketua Pengarah Pusat Pelancongan Islamik (ITC) menjelaskan bahawa industri pelancongan Islam berkait rapat dengan industri halal dan memberi peluang yang lebih besar kepada negara. Jumlah pasaran industri pelancongan Islam itu mampu mencecah sehingga RM10 billion kerana saiz pasarannya agak besar dan meluas, (Berita Harian, 12 Oktober 2021).

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) mempunyai sebuah agensi khas yang memberi tumpuan khusus untuk memperkenalkan konsep Pelancongan Islam di Malaysia dan antarabangsa, iaitu *Islamic Tourism Centre* (ITC). Sejak ITC ditubuhkan pada tahun 2009, Malaysia telah menerima pelbagai pengiktirafan antarabangsa seperti Destinasi Pilihan Nombor 1 Mesra Muslim di dunia berturut-turut sejak 2011 hingga 2022 oleh Crescent Rating yang berpangkalan di Singapura. Industri pelancongan Islam mampu menjana hasil yang lebih tinggi kepada negara kerana sektornya yang lebih luas berbanding industri pelancongan domestik.

Dalam menyediakan pelbagai keperluan dalam memajukan pasaran pelancongan islamik di Malaysia termasuklah aspek penginapan atau kemudahan beristirehat, banyak perkara yang perlu diteliti dan dikawal selia terutama kepada para pengusaha kemudahan penginapan. Terdapat beberapa ciri-ciri dikenalpasti menjadi tunjang kepada pematuhan standard premis penginapan yang mesra muslim atau berlandaskan patuh syariah seperti reka bentuk dan ruang persekitaran (bilik), organisasi dan kakitangan penginapan, etika pelanggan atau penginap, kemudahan awam dan keselamatan serta keselesaan, (Suhailah et al., 2022).

Latar Belakang Kajian

'*Summum Bonum*' adalah ungkapan Latin yang bermaksud prinsip kebaikan tertinggi yang diperkenalkan oleh Marcus Tullius Cicero iaitu seorang ahli falsafah Rom sesuai dengan idea baik dalam falsafah Yunani Kuno. Dalam peradaban Islam, keperluan mengamalkan etika Islam dilihat sebagai cara terbaik untuk mencapai kebahagiaan duniawi dan ukhrawi serta memperolehi rahmat dan keredhaan Allah yang mendorong kepada perilaku kebaikan yang tertinggi daripada segala hal. Asas etika Islam adalah bersumberkan sumber ketuhanan (dalil naqli) iaitu al-Quran dan al-Hadith. Dalam masa yang sama, Islam turut mengiktiraf sumber kemanusiaan (dalil `aqli) yang terdiri daripada taakulan akal, naluri dan juga pengalaman manusia. Namun, akal, naluri dan pengalaman ini mestilah digunakan dengan bimbingan wahyu al-Qur'an dan al-Hadith itu sendiri. Keperluan dalam amalan etika Islam ini juga dapat membawa kepada unsur-unsur kebaikan dalam konteks hidup bermasyarakat seperti yang disebutkan dalam ayat Al-Quran Al-Nisaa' 4: 36.

﴿وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ
الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا﴾

Maksudnya: Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun. Dan berbuat-baiklah kepada kedua orang tua, karib-kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, tetangga dekat dan tetangga jauh, teman sejawat, ibnu sabil dan hamba sahaya yang kamu miliki. Sungguh, Allah tidak menyukai orang yang sombong dan membanggakan diri,

Selain itu, konsep kebahagiaan terletak kepada satu perkataan iaitu keyakinan (*certainty*). Kebahagiaan tercapai apabila jiwa dan akal rasional mencapai tahap keyakinan kepada kebenaran dan kenyataan metafizik seperti hakikat ketuhanan, penciptaan dan juga ilmu. Hakikat kebahagiaan sebenar bagi seseorang manusia adalah kebahagiaan yang dicapai jiwa. Hal inilah yang dapat membezakan manusia dengan haiwan. Pengkajian metafizik penting bagi setiap manusia bagi mencapai kebahagiaan sebenar. Metafizik ialah perbincangan ontologi, kosmologi dan psikologi. Ontologi ialah pengajian mengenai realiti, kejadian (*being*) dan kewujudan (*existence*). Sementara itu, Kosmologi ialah pengajian mengenai alam semulajadi (*tabiah*) termasuk perbincangan mengenai unsur (*matter*), ruang (*space*) dan masa (*time*) sesuatu evolusi, sains serta pengetahuan mengenai dunia. Psikologi pula ialah penelitian mengenai masalah jiwa (*soul*) dan jasad (*body*) serta kesan metafiziknya kepada moral, etika dan agama. Jika mengikut tradisi Islam, pengkajian metafizik perlu meluas merangkumi perbincangan ahli falsafah, ahli sufi dan ahli Islam, (Mohd Jamizal, 2022).

Kebahagiaan merupakan topik utama yang dibincangkan dalam semua agama dan sistem etika. Bagaimanapun, perbincangan kebahagiaan tidak sama bagi kesemua sistem pemikiran, sama ada di dalam sistem etika falsafah Yunani klasik dan Islam. Dalam tradisi masyarakat dan ahli falsafah Yunani klasik, perbincangan kebahagiaan sangat penting kerana menjadi inti bagi setiap perbincangan etika dalam kalangan mereka, (Mohd Annas, 2020). Kedua-dua pernyataan berkenaan konsep kebahagiaan ini juga mempunyai perkaitan dengan prinsip '*Sommum Bonum*' yang akan dijelaskan dalam artikel ini.

Objektif Kajian

Terdapat dua objektif yang digariskan dalam artikel ini iaitu

- (i) Meneliti pengaplikasian ciri-ciri etika pelanggan dan penginap di *homestay* yang terpilih;
- (ii) Mencadangkan idea dalam pendefinisian konsep ciri-ciri etika pelanggan dan penginap dalam konteks patuh syariah.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan semasa kajian lapangan ini bersifat data kuantitatif dan kualitatif yang berbentuk deskriptif, (perkataan lisan atau tulisan). Data kualitatif menerangkan tingkah laku manusia yang boleh diperhatikan (Taylor dan Bogdan, 1984). Data kualitatif diperoleh daripada tiga jenis data seperti berikut (Patton, 1990):

- i. **Hasil pemerhatian:** Penerangan terperinci tentang situasi, kejadian, interaksi dan tingkah laku yang diperhatikan di lapangan yang melibatkan gerak kerja pengusaha *homestay*. Dalam kajian rintis yang dilaksanakan, penggunaan senarai semak (soal selidik) digunakan untuk tujuan tinjauan ciri-ciri reka bentuk dan ruang persekitaran yang diaplikasikan dalam penyediaan perkhidmatan penginapan *homestay*.

- ii. **Hasil Temubual:** Petikan langsung daripada kenyataan pengusaha homestay tentang pengalaman, sikap, kepercayaan dan pemikiran mereka dalam peluang temu bual mendalam antara pengusaha homestay, kumpulan penyelidik dan agensi yang terlibat.
- iii. **Bahan Bertulis / Kajian Perpustakaan:** Kajian-kajian lepas juga perlu diteliti oleh pengkaji bagi menyokong tajuk kajian dan menjadikannya sebagai sumber rujukan.

Kawasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan di tiga puluh buah (30) buah homestay di sekitar Bandaraya Kota Kinabalu, Kundasang dan Semporna, Sabah serta melibatkan tiga puluh (30) orang pengusaha atau kakitangan homestay yang terlibat.

Jadual 1 : Senarai Homestay Yang Terlibat Dalam Penelitian Pengaplikasian Ciri-Ciri Homestay Patuh Syariah Di Destinasi Pilihan Pelancong Di Sabah

Kota Kinabalu	Kundasang	Semporna
5B Suite Homestay	D&D Homestay	Aleesya Homestay
Borneo Musafir Homestay	Hasah's Homestay	Anefa Homestay
D'Nur's Homestay	Kiram Village	Awani Homestay
Ermat's Guesthouse	Sulap Dahai	Lasa Guesthouse
Leisure Homestay	Sinurambi	Island Guesthouse
LK Stay	Sinurambi 2	D'Tampi Homestay
RHY Homestay	Midori Homestay	Khayrin's Homestay
Rumah Pangi Tuaran	Tisan Nulu Homestay	Mentari Homestay
City Muslim Sulap	Teratak Haji Rashiman	Art Homestay
Yayang Putatan Homestay	Nulu-Nuluw Farmhouse	Paghali-halian Homestay

Sumber: Kajian Lapangan (2022)

Jadual 2: Demografi Responden

Kategori	Huraian	Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	15	50 %
	Perempuan	15	50%
Bangsa	Melayu	5	16.7 %
	Cina	1	3.3 %
	Bumiputera Sabah	22	73.3 %
	Lain-lain	2	6.7 %

Agama	Islam	28	93.3 %
	Kristian	2	6.7 %
Umur	18-30 tahun	6	16.5 %
	31 – 40 tahun	9	29.7 %
	41 tahun ke atas	15	53.8 %
Tahap Pendidikan	Sekolah Menengah	3	9.9 %
	Pra Universiti	2	6.6%
	Diploma	1	3.3%
	Universiti	24	80.2 %

N: 30

Sumber: Kajian Lapangan (2022)

Hasil Kajian

Berdasarkan kepada kajian rintis yang telah dilaksanakan hanya menggambarkan keadaan pelanggan atau penginap homestay secara umum. Dapatan kajian ini adalah sebagai rujukan untuk para pengusaha homestay melakukan penambahbaikan dalam usaha memperkasakan Model *Homestay* Patuh Syariah khususnya di Sabah.

Jadual 3: Etika Pelanggan/ Penginap di Homestay patuh Syariah

Ciri-ciri Homestay Patuh Syariah	Ya		Tidak	
	Bil	Peratus (%)	Bil	Peratus (%)
Penginap berpakaian yang menutup aurat	19	63.3	11	36.7
Menjaga adab dan akhlak	25	83.3	5	16.7
Penginapan berlandaskan konsep mahram	22	73.3	8	26.7
Sentiasa menjaga kebersihan diri dan ruang penginapan	28	93.3	2	6.7

Sumber : Kajian Lapangan (2022)

Objektif pertama menjelaskan bahawa semua indikator tidak mencapai pematuhan homestay patuh syariah iaitu (100%). Aspek etika pelanggan atau penginap tidak mencapai pematuhan secara *total* iaitu sentiasa menjaga kebersihan diri dan ruang penginapan dengan jumlah peratusannya (93.3 %), disusuli dengan menjaga adab dan akhlak (83.3 %), kedatangan penginap dalam kalangan mahram (73.3 %) dan penginap berpakaian yang menutup aurat (63.3 %). Hal ini menunjukkan bahawa perlunya konsep pematuhan *homestay* patuh syariah berlandaskan prinsip ‘*Sommum Bonum*’ ini diperkasakan oleh para pengusaha *homestay* yang terlibat. Ini juga sangat bertepatan dengan ayat Al-Quran yang menyentuh perihal keadilan dan keprihatinan dalam segala urusan.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ أَوَالِدِ الَّذِينَ وَالِ الْأَقْرَبِينَ ۚ إِن يَكُنْ عَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىٰ أَن تَعْدِلُوا ۚ وَإِن تَلَوْا ۖ أَوْ نَعَرْتُمْ فَاِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu penegak keadilan, menjadi saksi karena Allah, walaupun terhadap dirimu sendiri atau terhadap ibu bapak dan kaum kerabatmu. Jika dia (yang terdakwa) kaya ataupun miskin, maka Allah lebih tahu kemaslahatan (kebaikannya). Maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu karena ingin menyimpang dari kebenaran. Dan jika kamu memutarbalikkan (kata-kata) atau enggan menjadi saksi, maka ketahuilah Allah Mahateliti terhadap segala apa yang kamu kerjakan.*

(Q.S al-Nisaa' 4: 135)

Antara prinsip 'Summum Bonum' yang paling utama dalam Islam di antara yang lainnya ialah wajibnya menegakkan keadilan dalam semua perkara, kepada siapa, di mana sahaja dan pada bila-bila masa. Akhlak juga merupakan istilah yang paling tepat untuk digunakan dalam membincangkan peribali etika dalam Islam. Hal ini kerana di dalamnya terkandung nilai-nilai Islam yang amat sesuai untuk diadaptasi ke dalam etika pengurusan dan diaplikasikan dalam organisasi. Dari segi bahasa, akhlak merujuk kepada budi pekerti, sifat, kelakuan, perangai, watak dan tabiat manusia, (Nor'Azzah, 2002). Hal ini juga berkaitan dengan sifat sopan, hormat dan merendah diri dan suara dalam segala urusan seperti yang terkandung dalam ayat Al-Quran pada Surah Thaahaa 20: 44 dan Luqman 31: 18 hingga 19.

فَقُولَا لَهُ ۖ قَوْلًا لِّئِنَّا لَعَلَّهُ ۖ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ

Maksudnya: *Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya (Fir'aun) dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia sadar atau takut.*

(Q.S Thaahaa 20: 44)

وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ وَاغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ ۚ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ

Maksudnya: *Dan sederhanakanlah dalam berjalan dan lunakkanlah suaramu. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keledai.*


Q.S Luqman 31: 19)

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ ۖ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ

Maksudnya: *Dan janganlah kamu memalingkan wajah dari manusia (karena sombong) dan janganlah berjalan di bumi dengan angkuh. Sungguh, Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong dan membanggakan diri.*

(Q.S Luqman 31: 18)

Sementara itu, pendefinisian konsep ciri-ciri *homestay* dalam aspek etika pelanggan atau penginap mengikut indikator turut diperincikan seperti Rajah 1.



Rajah 1 : Definisi konsep aspek etika pelanggan atau penginap berlandaskan ‘Sommum Bonum’

Sumber : Suhailah et al., 2022

Idea Patuh Syariah

Idea yang dikemukakan dalam kajian ini lebih bersifat mendalami keadaan dan situasi dalam perkembangan industri pelancongan islamik di Malaysia khususnya di Sabah dalam menawarkan pakej atau perkhidmatan penginapan yang berlandaskan patuh syariah. Idea ini juga dikembangkan dalam penelitian penginapan jenis *homestay* kerana ianya tidak begitu mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji bidang pelancongan yang berkhususkan islamik dan juga perkhidmatan penginapan. Kebanyakan idea berkaitan penelitian atau perkembangan industri pelancongan islamik yang memfokuskan kepada penginapan lebih menjurus kepada sektor perhotelan yang berskala besar. Justeru idea patuh syariah boleh dijadikan sebagai rujukan dan panduan utama para

pengusaha homestay dalam memperkasakan penginapan patuh syariah sekaligus mengembangkan syiar Islam untuk mencapai '*Sommum Bonum*' atau prinsip kebaikan tertinggi.

Impak idea yang tercetus dalam penyelidikan ini secara keseluruhannya akan dapat menghasilkan sebuah Model Program *Homestay* berasaskan Pematuhan Syariah khususnya bagi negeri Sabah. Idea-idea penambahbaikan menjurus patuh syariah yang dinyatakan juga turut memberi impak kepada para pelancong sama ada yang beragama Islam dan bukan Islam yang menginap di *homestay* yang memenuhi keperluan kemanusiaan dan kecekapan sejagat seperti yang dituntut dalam Islam. Islam merupakan *ad-Din*, sebuah cara hidup yang lengkap meliputi seluruh aspek kehidupan. Justeru, Islam datang bersama kerangka dasar Akidah (kepercayaan), Syariah (undang-undang dan peraturan) dan Akhlak (nilai-nilai murni dan budi bahasa), yang kemudiannya datang bersama lima tujuan utama Islam dijadikan sandaran kehidupan yang kita sebut sebagai Maqasid Syariah iaitu *Hifz ad-Din* (menjaga agama), *Hifz an-Nafs* (menjaga nyawa), *Hifz al-aql* (menjaga akal), *Hifz al-mal* (menjaga harta) dan *Hifz an-nas* (menjaga keturunan).

Kajian ini dapat memberi pendedahan ilmu pentingnya penekanan '*Sommum Bonum*' kepada para pengusaha homestay patuh syariah dan juga pengunjung bagi memperkasakan pelancongan islamik khususnya di Sabah dan amnya di Malaysia. selain itu, kajian ini juga dapat memenuhi keperluan sejagat umat Islam kerana ianya merupakan fardhu kifayah sekaligus memartabatkan Islam menerusi pengaplikasiannya dalam bentuk produk pelancongan model homestay patuh syariah di Malaysia khususnya di Sabah.

Potensi Komersial

Perkembangan pelancongan Islam di Malaysia membuka ruang dan peluang kepada masyarakat meningkatkan taraf hidup masyarakat khususnya di Sabah dengan cara mengusahakan produk pelancongan Islamik iaitu *Homestay* patuh syariah. Permintaan produk pelancongan *homestay* patuh syariah akan meningkatkannya khususnya di Malaysia dan amnya di Indonesia dan Brunei Darussalam yang berminat memajukan homestay patuh syariah. Kajian ini dilihat dapat memberi peluang secara langsung untuk mempromosikan produk *homestay* patuh syariah di peringkat nusantara dan global. Ianya mampu memberikan pulangan lumayan kepada pengusaha dalam meningkatkan tahap sosioekonomi.

Disamping itu, penyelidikan ini berpotensi untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada pengusaha homestay negara Islam seperti Negara Brunei Darussalam dan Indonesia dalam menawarkan produk pelancongan homestay patuh syariah. Selain itu, penyelidikan ini juga dapat mewujudkan proses pemindahan ilmu kepada pengusaha homestay berhubung bentuk penyediaan infrastruktur, pakej program homestay, ciri perkhidmatan, dan jenis aktiviti homestay yang dianggap patuh syariah sebagai produk pelancongan Islam. Hasil daripada pelaksanaan penyelidikan ini diharapkan dapat memberikan nilai tambah kepada pembangunan produk pelancongan di Sabah dalam aspek menjaga keharmonian hidup bermasyarakat berk komuniti dan juga bersosio-budaya.

Pembangunan Harta Intelek

Pembangunan harta intelek di dalam sesebuah negara akan meningkatkan tahap inovasi, ekonomi dan menganjaknya ke sebuah negara berasaskan ekonomi pengetahuan. Sektor pelancongan dikenali sebagai industri yang berdaya maju, dan sumber utama pendapatan serta menjadi penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara (UNWTO, 2017). Dari segi pembangunan produk, kerajaan Malaysia telah berjaya mempelbagaikan produk pelancongan seperti pelancongan kesihatan, pendidikan, agro dan eko-pelancongan, rumah inap (*homestay*) dan lain-lain (Zulkifli, *et. al.*, 2011). Kebelakangan ini, Malaysia turut memperkenalkan konsep pelancongan Islam bagi tujuan menarik lebih ramai ketibaan pelancong yang beragama Islam, (Tengku Kasmini, *et. al.*, 2021).

Model intelek juga merupakan aset utama dalam pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan (Bhatti dan Zaheer, 2014), harta intelek, pengalaman dan maklumat yang boleh digunakan untuk menjana sumber dan kekayaan (Stewart, 1997). Penyelidikan ini akan dapat menghasilkan Model Program *Homestay* berasaskan patuh syariah khususnya di Sabah. Penyelidikan asas dan empirikal juga telah dijalankan bersama rakan usaha sama antarabangsa iaitu daripada rakan pensyarah dari Brunei Darussalam dan Indonesia berhubung ciri-ciri pelaksanaan program *homestay* patuh syariah di Kota Kinabalu, Kundasang dan Semporna, Sabah.

Justeru, kajian penyelidikan Model *Homestay* Patuh Syariah dijadikan sebagai Harta Intelek yang dibangunkan di bawah geran penyelidikan. Terdapat lima ciri-ciri pengaplikasian model *homestay* patuh syariah yang diketengahkan dalam penyelidikan ini iaitu (i) Reka bentuk dan ruang persekitaran (Bilik), (ii) Organisasi dan kakitangan penginapan, (iii) Etika Pelanggan atau Penginap, (iv) Kemudahan umum dan (v) keselamatan dan keselesaan. Dalam artikel ini, ciri-ciri Etika Pelanggan atau Penginap yang ditonjolkan. Berdasarkan kepada sorotan literatur daripada para pengkaji lepas, belum ada lagi Model *Homestay* Patuh Syariah dibangunkan dan penyelidikan ini adalah merupakan perintis utama ke arah perkembangan pelancongan islamik di Sabah.

Kesimpulan

Pembentukan sesuatu etika perlu mengambilkira norma masyarakat dan nilai individu itu sendiri. Keperluan seseorang kepada etika didorong oleh nilai yang datang lebih awal yang berkeyakinan tentang betapa pentingnya batasan penentuan antara baik dan buruk. Pembentukan etika yang selari dengan norma masyarakat setempat juga memudahkan urusan pelaksanaannya secara lebih berkesan. Dengan demikian, suatu corak dan garis panduan tentang bagaimana manusia perlu berkelakuan dan berinteraksi sesama mereka dapat ditentukan dan diterimakai oleh seluruh warga masyarakat. Justeru itu, prinsip amalan '*Sommum Bonum*' ini bukan sahaja diaplikasikan dalam konteks pematuhan ciri-ciri pelancongan islamik, malahan ianya boleh diaplikasikan dan diadaptasi oleh seluruh masyarakat secara *universal* untuk mencapai kebahagiaan beragama dalam konteks kehidupan sebenar.

Penghargaan

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah atas pembiayaan penyelidikan di bawah Geran Skim Dana Khas (SDK0336-2022). Tidak dilupakan juga kerjasama daripada para pengusaha *homestay* yang terlibat sepanjang kajian dijalankan iaitu melibatkan Bandaraya Kota Kinabalu, Kundasang dan Semporna, Sabah.

Rujukan

- Abdul Muin, S., Abdul Rahman, A., Samuni, N., Abdullah, M., Rusdi, M. 2022. Homestay Berasaskan Patuh Syariah dan Bukan Patuh Syariah: Satu Perbandingan. *International Journal Of Social Science Research*. 4(3), 253-267.
- Abdul Muin, S., Samuni, N., Abdul Malek, M. D., Ibrahim, D., Mad Shah, J., Abdullah, M. N. A., Ag, M. A. 2022. *Penelitian Pengaplikasian Ciri-Ciri Keselamatan Kemudahan Penginapan Homestay Patuh Syariah Di Destinasi Pilihan Pelancong Di Sabah Merujuk Perspektif Maqasid Syariah*. *International Journal of Social Science Research (IJSSR)*. 4 (3), 294-305.
- Al-Quran dan terjemahannya
- Bhatti, W.A., Arshad Zaheer, A. 2014. *The Role Of Intellectual Capital In Creating And Adding Value To Organizational Performance: A Conceptual Analysis*. *The Electronic Journal of Knowledge Management*. 12(3): Pp 187–194.
- Mohd Annas, S. A., Mohd Norazri, M. Z., Faridah, M. S., Noor Syahida, M. S. 2020. Pemikiran Kebahagiaan Menurut Aristotle dan Ibnu Miskawayh: Satu Analisis Awalan. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. 21.(2020): Pp 55–67.
- Mohd Jamizol, Z. 2022. *Kajian Metafizik Berlandas Islam, Bantu Manusia Capai Makna Kebahagiaan Hakiki*. Diakses dalam <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2022/04/944255/kajian-metafizik-berlandas-islam-bantu-manusia-capai-makna-kebahagiaan>.
- Nor'Azzah, K. 2002. Etika Pengurusan Islam dan Konvensional: Satu Analisis Perbandingan. *Jurnal Syariah*. 10(2). Pp 43-66.
- Patton, M. Q. 1990. *Qualitative Evaluation and Research Methods*. (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Shakiri, A. S. 2006. Islamic Tourism For Whom? *Islamic Tourism Magazine*. Diakses dari www.islamictourism.com
- Stewart, T. 1997. *Intellectual Capital: The New Wealth of Organizations*. New York: Doubleday/Currency.
- Suhailah, A. M., Norcikeyonn, S., Ahmad Tarmizi, A. R., Mohd Nor Azan, A., Mikdar, R. 2022. *Homestay Berasaskan Patuh Syariah Dan Bukan Patuh Syariah: Satu Perbandingan*. 4th Kuala Lumpur International Conference on Multi-Disciplinary Research 2022, 17 September, 2022, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suhailah, A. M., Norcikeyonn, S., Mohd Nor Azan, A. 2022. *Tinjauan Reka Bentuk Dan Ruang Persekitaran Dalam Pelaksanaan Homestay Patuh Syariah Di Sabah*. *International Seminar on Philosophy Civilisation, Ethics and Islamic Heritage (i-STET 2022)*. 19 Oktober 2022. Pusat Pengajian Teras. Universiti Islam Sains Malaysia.
- Suhailah, A. M., Norcikeyonn, S., Mohd Nor Azan, A. 2022. *Tinjauan Isu Ruangan dan Cadangan Memperkasakan Perkhidmatan Penginapan Dalam Kalangan Pengusaha Homestay Patuh*

- Syariah di Sabah*. 2nd Langkawi International Conference on Advanced Research 2022. 8 Oktober 2022. Langkawi, Malaysia.
- Suhailah, A. M., Norcikeyonn, S., Mohd Nor Azan, A., Ahmad Tarmizi, A. R. 2022. *Pengaplikasian Ciri-Ciri Kemudahan Penginapan Homestay Patuh Syariah Dalam Memperkasakan Pelancongan Islamik Di Sabah*. The International Borneo Innovation, Exhibition & Competition (IBIEC). 19-20 Oktober 2022. Politeknik Kota Kinabalu Sabah (PKK).
- Suhailah, A. M., Norcikeyonn, S., Mohd. Dahlan, A. M., Dzurizah, I., Jalihah, M. S., Mohd Nor Azan, A., Mardyawati, M. A. 2022. *Penelitian Pengaplikasian Ciri-Ciri Keselamatan Kemudahan Penginapan Homestay Patuh Syariah Di Destinasi Pilihan Pelancong Di Sabah Merujuk Perspektif Maqasid Syariah*. 4th Kuala Lumpur International Conference on Multi-Disciplinary Research 2022. 17 September 2022. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Taylor, S. J., Bogdan, R. 1984. *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*. Second Edition. John Wiley and Sons. Toronto.
- Tengku Kasmini, T. W., Noradiva, H., Norlida, H. M. S., Rozita, A. 2021. Nilai Islam dalam Pengurusan Modal Intelek di Sektor Perhotelan. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 55 (2): Pp 1-14.
- UNWTO. 2017. *UNWTO Tourism Highlights*. Dalam <https://www.e-unwto.org/doi/pdf/10.18111/9789284419876>
- Zamani-Farahani, H., Henderson, J. C. 2010. Islamic Tourism And Managing Tourism Development In Islamic Societies: The Cases Of Iran And Saudi Arabia. *International Journal of Tourism Research*. 12(1). Pp 79–89.
- Zulkifli, W., Sahida, W., Ab Rahman, S., Awang, K. W., Man, Y. C. 2011. Developing The Framework For Halal Tourism In Malaysia. *International Business Management*. 5(6): Pp 295-302.

PLURALISME vs PLURALISME AGAMA

Earnie Elmie binti Hilmi
earnie@ums.edu.my

Universiti Malaysia Sabah

ABSTRAK

Konsep pluralisme dan pluralisme agama sudah dimaklumi oleh semua lapisan masyarakat. Istilah pluralisme yang merujuk kepada maksud kepelbagaian agama diterima dalam masyarakat, namun apabila pluralisme digabungkan dengan agama dan mempunyai maksud menyamaratakan semua agama, itu yang menjadi pertikaian. Kertas kerja ini akan menjelaskan konsep pluralisme dan pluralisme agama. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis kandungan. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa konsep pluralisme dan pluralisme agama mempunyai perbezaan yang sangat ketara.

Kata kunci: *pluralisme, pluralisme agama, kepelbagaian agama.*

Pengenalan

Maksud konsep pluralisme dan pluralisme agama sering disalah erti oleh masyarakat, kekeliruan ini berlaku apabila maksud pluralisme dalam erti kepelbagaian agama, etnik dan kepercayaan yang wujud dalam sesebuah masyarakat difahami sebagai pluralisme agama. Hakikatnya, pluralisme dan pluralisme agama membawa konsep yang berbeza. Masyarakat Islam di Malaysia menerima pluralisme, tetapi menolak pluralisme agama dalam maksud menyamaratakan semua agama atau menerima keabsahan (kebenaran) agama lain. Walaupun terdapat tokoh yang mendefinisikan pluralisme agama sebagai kepelbagaian agama/Pluraliti agama (*religious diversity/Religious plurality*), dialog antara agama (*interfaith dialogue*), toleransi antara agama (*religious tolerance*), kebebasan beragama (*Religious freedom*) penolakan tetap berlaku disebabkan kebanyakan maksud pluralisme agama menjurus kepada menyamaratakan semua agama atau menerima keabsahan (kebenaran) agama lain (*accepting other religions' validity*). Disebabkan demikian, isu pluralisme agama menjadi kontroversi dan pertikaian bukan sahaja di kalangan para sarjana tetapi juga masyarakat umum di Malaysia. Apabila terdapat golongan yang menolak pluralisme agama kerana maksudnya menyamaratakan semua agama atau menerima keabsahan (kebenaran) agama lain (*accepting other religions' validity*), mereka juga dianggap menolak pluralisme dalam maksud kepelbagaian agama, etnik, kepercayaan dan sebagainya. Golongan ini juga dianggap mengeruhkan perpaduan yang wujud dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Kertas kerja ini akan menjelaskan konsep pluralisme dan pluralisme agama secara bahasa dan istilahnya serta perbezaan-perbezaan yang ada antara duanya supaya pemahaman mengenai pluralisme dan pluralisme agama lebih jelas dan mengelakkan berlakunya kontroversi yang mengganggu gugat keamanan masyarakat majmuk di Malaysia.

Definisi

1. Pluralisme

Perkataan pluralisme atau juga dikenali sebagai pluraliti secara bahasanya merujuk merujuk kepada dua makna iaitu pertama, keadaan yang majmuk, kemajmukan dan kedua ialah keadaan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kumpulan, kebudayaan, kepercayaan agama dan sebagainya (https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keywn_ord=pluralisme). *Little Oxford English Dictionary* (2002) menjelaskan salah satu maksud pluralisme ialah penerimaan dalam masyarakat yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada kepelbagaian kepercayaan dan juga latar belakang etnik. Laman web *Merriam Webster*, salah satu maksud pluralisme ialah keadaan sosial yang mana anggotanya terdiri daripada kumpulan etnik, bangsa, agama, atau kumpulan sosial yang berbeza, mengekalkan dan mengembangkan budaya tradisional atau minat khusus mereka dalam lingkungan tamadun yang sama. Manakala *The Oxford Dictionary of Philosophy* (1996), mendefinisikan *pluralism* sebagai toleransi umum tentang pelbagai jenis perkara, atau lebih khusus daripada perbezaan dan mungkin penghuraian dunia yang tidak selaras, tidak satu pun yang dianggap lebih asas daripada yang lain.

Menurut Siddiq (2016) pluralisme dalam maksud kepelbagaian agama, budaya dan bahasa selaras dengan agama Islam sebagaimana ayat 13 surah al-Hujurat yang menjelaskan mengenai penciptaan manusia dengan kepelbagaian agama, budaya, politik, perundangan dan sebagainya. Perbezaan agama tidak membezakan antara satu sama lain, semua bersatu dalam kesatuan keinsanan. Setiap insan berhak untuk dihormati dan berhak mendapat hak asasi kemanusiaan.

Secara istilahnya, terdapat pelbagai sarjana yang telah memberikan maksud pluralisme, antaranya ialah:

- a) Muhammad Uthman el-Muhammady (2012) menerima pluralisme dalam maksud kepelbagaian, jelas beliau:
“Pluralisme dalam erti adanya ruang awam di mana para penganut agama bertemu dan berhubung serta mengadakan interaksi pelbagai untuk saling memahami antara satu sama lain”.
- b) Mohd Farid Mohd Sharif (2012) menjelaskan bahawa pluralisme;
“Merupakan satu sistem yang mengiktiraf kewujudan pelbagai bangsa, suku dan agama setiap orang. Masing-masing komited dengan leluhur dan akal budi bangsanya, agamanya dan memberi ruang kepada penganut agama lain untuk komited dengan ajaran agama masing-masing”.
- c) Mujahid Yusof Rawa (2014)
“Pluralisme (kepelbagaian/kemajmukan) merupakan satu kejadian alam yang membuktikan tanda-tanda kebesaran Allah. Tiada sesuatu yang ada di muka bumi ini melainkan semuanya ditunjukkan dalam pelbagai bentuk, pelbagai rupa dan pelbagai pilihan. Kerencaman ini menandakan kejadian alam serta kejadian pada alam haiwan dan pada diri manusia sendiri”.

d) Menurut Mohd Asri (2019)

“Pluralisme bererti mengiktiraf kepelbagaian agama, cuba memahami lebih mendalam antara satu sama lain dan bersikap bertolak ansur tanpa menggadaikan prinsip-prinsip akidah Islam terutamanya hanya Islam sebagai agama yang diterima di sisi Allah pada masa ini, maka itu tidak membawa kepada kekufuran”.

Hasilnya, konsep pluralisme menjurus kepada maksud kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan sebagainya. Konsep pluralisme dalam maksud sebegini diterima baik oleh masyarakat Islam kerana tidak bertentangan dengan ajaran Islam selaras dengan ayat 13 surah al-Hujurat iaitu Allah menciptakan kepelbagaian agama, kepercayaan, bangsa, budaya dan sebagainya.

2. Pluralisme agama

Pluralisme agama berasal daripada dua perkataan Inggeris iaitu *religious* dan *pluralism*. Istilah pluralisme diterima secara baik oleh setiap lapisan masyarakat. Namun apabila ianya digabungkan dengan agama dan membawa maksud menyamaratakan semua agama konsep ini ditolak. Namun, ada juga tokoh-tokoh yang mendefinisikan pluralisme agama dalam erti kepelbagaian agama/Pluraliti agama (*religious diversity/Religious plurality*), dialog antara agama (*interfaith dialogue*), toleransi antara agama (*religious tolerance*), Kebebasan beragama (*Religious freedom*) serta menerima keabsahan (kebenaran) agama lain (*accepting other religions' validity*).

Konsep pluralisme agama dalam maksud;

a) Kepelbagaian agama/pluraliti agama

Menurut Hussin (2007):

“Islam, as a faith and civilization, is known to have accommodated the principle of pluralism, including religious pluralism. This is manifest in both the Quran and sunnah, the two principal sources of Islamic shari’ah, laws that are obligatory upon all muslims, whatever their ethnic, political and economic backgrounds and other differences”.

b) Dialog antara agama

Mohamed Fauzi Yaacob (2011) menyatakan:

“For the purpose of this paper, the term religious pluralism is used in the first and second senses, to mean the existence of religious heterogeneity and attempts at promoting understanding through inter-faith dialogues”.

c) Toleransi antara agama

Rita Camilleri (2013). Dalam artikel ini penulis mengatakan cabaran yang telah dikemukakan oleh pluralisme agama telah menjadi pusat kepada pemahaman etnik yang dinamik kompleks dan masyarakat yang berbilang agama, termasuklah Malaysia

d) Kebebasan beragama

Menurut Anwar (2010):

“Freedom of religion without which there can be no religious pluralism, is an entrenched constitutional liberty in the established democracies. As such, favouring one religion over another or granting it a position at the expense of others may be considered as being against the spirit of religious pluralism.”

e) Menerima keabsahan (kebenaran) agama lain

New World Encyclopedia, mendefinisikan pluralisme agama sebagai:

“Religious pluralism holds that no single religion can claim absolute authority to teach absolute truth. Many religious pluralists claim that members of other faiths are searching for the same truths in different ways, and that all religious knowledge is limited by human fallibility”.

Penerimaan dan penolakan terhadap pluralisme agama berdasarkan kepada penerimaan maksudnya. Golongan yang menolak pluralisme agama kerana konsepnya dalam erti menyamaratakan semua agama atau menerima keabsahan (kebenaran) agama lain (*accepting other religions’ validity*). Antara tokoh-tokoh yang memahami pluralisme agama dalam maksud sedemikian dan menolak pluralisme agama ialah:

- a) Muhammad Uthman el-Muhammady (2011) menolak fahaman pluralisme agama dalam maksud menyamaratakan semua agama. Beliau menyatakan pluralisme agama ialah: “Fahaman yang menyatakan bahawa semua agama sama, sama-sama membawa kepada syurga”
- b) Anis Malik (2011) tidak bersetuju pluralisme agama disamakan dengan maksud toleransi agama. Bagi beliau, pluralisme agama ialah satu fahaman yang menyamaratakan semua agama.
- c) Khalif Muammar (2015) tidak bersetuju dengan penerimaan konsep pluralisme agama sebagai sinonim untuk kepelbagaian agama atau toleransi agama yang wujud dalam tradisi Islam. Bagi beliau, kepelbagaian agama sebenarnya membawa kepada penerimaan semua agama sebagai benar.
- d) Menurut Mohd Aizam (2015) pluralisme agama ialah fahaman yang menyamaratakan semua agama.

Penerimaan dan penolakan konsep pluralisme agama berdasarkan apa yang difahami dari konsepnya. Penerimaan berdasarkan kepada maksud kepelbagaian agama, bangsa, politik dan sebagainya. Manakala penolakan kepada konsep pluralisme agama berlaku disebabkan maksudnya

dalam erti menyamaratakan semua agama atau menerima keabsahan (kebenaran) agama lain (*accepting other religions' validity*). Perkara ini bersalahan dengan akidah dan syariat Islam.

Kesimpulan

Kesimpulannya, konsep pluralisme dan pluralisme agama mempunyai perbezaan ketara. Pluralisme membawa erti kepelbagaian agama, kaum, adat dan sebagainya dalam sesebuah masyarakat seperti yang wujud dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Manakala konsep pluralisme agama banyak menjurus kepada makna menyamaratakan semua agama atau menerima keabsahan (kebenaran) agama lain. Walaupun terdapat tokoh yang mendefinisikan pluralisme agama dengan kepelbagaian agama/Pluraliti agama (*religious diversity/Religious plurality*), dialog antara agama (*interfaith dialogue*), toleransi antara agama (*religious tolerance*), Kebebasan beragama (*Religious freedom*) namun bagi sesetengah sarjana definisi sedemikian menjurus kepada definisi pluralisme bukan pluralisme agama. Konsep pluralisme diterima secara baik oleh Islam kerana tidak bertentangan dengan ajaran Islam sebagaimana surah al-Hujurat ayat 13. Manakala pluralisme agama yang membawa maksud penyamarataan semua agama, itu yang ditolak kerana bersalahan dengan akidah Islam sebagaimana dalam Surah *al-Isra'* ayat 81.

Rujukan

- Anwar Ibrahim. (2010). Ucapan di London School of Economics.
http://richmedia.lse.ac.uk/publicLecturesAndEvents/20100318_1700_.mp3.
- Little Oxford English Dictionary*. (2002). Oxford: Oxford University Press.
- Mohamed Fauzi Yaacob. (2011). The Challenge of religious pluralism in Malaysia.
http://www.iop.or.jp/Documents/1121/Journal21_Yaacob.pdf (17 November 2022).
- Mohd. Asri Zainul Abidin. (2014). Pluralisme agama. <https://www.facebook.com/DrMAZA/posts/10152893486567990> (17 November 2022).
- Mohd Farid Mohd Sharif. (2012). *Maaf...Tuhan kita tidak sama: mengulas isu interaksi agama di Malaysia*. Kedah: Bitara Media.
- Mujahid Yusof Rawa. (2014). Islam dan Pluralisme. <http://www.sinarharian.com.my/karya/pendapat/islam-dan-pluralisme-1.331115> (5 Mei 2017).
- Mujahid Yusof Rawa. (2015). *Islam dan kepelbagaian: Rahmat untuk semua*. Selangor: Ilhambooks.
- Muhammad Uthman el-Muhammady. (2011). Ancaman fahaman-fahaman Asing terhadap Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah di Malaysia. <https://muafakatmalaysia.wordpress.com/2011/04/27/ancaman-fahaman-fahaman-asing-terhadap-akidah-ahli-sunnah-wal-jamaah-di-malaysia/>. (14 November 2022)
- Muhammad Uthman el-Muhammady. (2012). Pluralisme agama: Beberapa persoalan dilihat dari pandangan arus perdana. *Pluralisme agama: satu gerakan iblis memurtadkan Ummah*, hlm 139-157. Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia.
- Pluralism. (2022). <https://www.merriam-webster.com/dictionary/pluralism> (14 November 2022).
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (2017). <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pluralisme> (14 November 2022).

- Rita Camilleri. (2013). Religious Pluralism in Malaysia: The Journey of Three Prime Ministers. *Islam and Christian Muslims Relations*, **24** (2): 225-240
<http://dx.doi.org/10.1080/09596410.2013.7723327> (14 November 2022).
- Siddiq Fadzil. (2016). *Pembinaan Bangsa: Kepelbagaian dalam bingkai kesatuan*.
Selangor: Institut Darul Ehsan.
- New World Encyclopedia. (2019).
https://www.newworldencyclopedia.org/entry/Pluralism#Religious_pluralism (16
November 2022).

ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) ADOPTION AS A PART OF INTERPERSONAL SKILL DEVELOPMENT

Muhammad Fansuri Mohd Zahari
fansuri@kuis.edu.my

Nurul Nadirah Zakaria
nadirah@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRACT

In this modern digital era, the education sector became popular with the usage of technology as an education tools. For this reason, educator can take this opportunity to develop student interpersonal skills. In fact, a part of computer science studies specifically known as Artificial Intelligence (AI) is capable of playing a big role to develop some of the interpersonal skills. Therefore, what is expected from this paper would be to explore some potential adoption of AI to improve or develop a part of the student interpersonal skills in education sector. In the end, we could observe some of the trend and the utilization of digital technologies which related to computer science field specifically known as AI in education sector to develop a part of the interpersonal skills.

Keywords: *Artificial Intelligence, AI, interpersonal skills, education*

INTRODUCTION

Every parents would be delighted to send their children to school later on to a higher education institution with a hope they will gain knowledge and soon upgrade their family living standard in future. As for the children to be at a better living standard once they grow up, there are a lots of value and life experience they need to gain. They need to have the strength to face the reality of life as an adult especially when they came across and live in a multiracial society.

Gaining a first class certificate or degrees in a higher education institution does not always mean that the person is already complete. As well as having a good education background, a holistic graduate should also have a set of interpersonal skills that will determine their level of life success. What is expected from this paper would be to explore some potential adoption of Artificial Intelligence (AI) in education to improve some of the student interpersonal skills.

In Malaysia, the Ministry of Higher Education of Malaysia (MOHE) has listed seven non-technical skills. There are communication skills, critical thinking and problem solving skills, ethics and morality, teamwork skills, lifelong learning skills, entrepreneur skills, and lastly the leadership skills [1]. Once a student continued their studies until they finish their college or university life, they will fight for a job and this is where interpersonal skills being valued. Based on a research conduct by [1], non-technical skills demanded by employers are including communication skills, critical thinking and problem solving skills. To support this statement, a literature review from [1]

found out that the factors of unemployment occur also because lack of communication skills, and critical thinking skills (Roslidawati 2015).

A study made by a group of researcher [7] stated that 18% of respondents agreed that interpersonal skills are "more important than technical skills", 72% agreed interpersonal skills "as important as technical skills", and only 10% agreed interpersonal skills are "important, but less than technical skills.". While from some expert understanding, it can be synthesized that interpersonal skills are a skill to recognize and respond appropriately to the feelings, attitudes and behaviours, motivations and desires of others [6].

As for Artificial Intelligence (AI), it is a branch of Computer Science (CS) studies. This is a studies about observation and learn about leaving things on how they survive day by day. With the knowledge they gain, they try to adapt the survival process into the human life by using technology. With the help of AI technologies, which simulate human intelligence to make inferences, judgments, or predictions, computer systems can provide personalized guidance, supports, or feedback to students as well as assisting teachers or policymakers in making decisions [3].

APPLICATIONS OF ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) RELATED TO INTERPERSONAL SKILLS IN EDUCATION

With the collaboration ideas of AI in education, we can observe some application of AI to stimulate student interpersonal skills. AS mention earlier in this paper, there are a lots of non-technical or interpersonal skills. Therefore, this paper will undergo some of the improvement of interpersonal skills such as ethics, communication skills, and critical thinking and problem solving skills with the help of AI.

First of all, to improve ethics or attitudes, the use of AI face recognition technique has been used widely nowadays. From the literature review of [1] observed that one of the factors of unemployment also because of attitude problem (Ayub 2014). To adhere the attendance, a face recognition technique can be used in a class or in a lecture hall. All data including students picture will be store during registration process. The camera associate with the system will compare each student in the class or lecture hall with the picture stored in the registration database storage. Then the system will update the attendance status for each student. For example, a system has been proposed by [2] to adhere attendance monitoring which consist sensor modules and the information from the sensor is processed by the software module and stored in cloud. A simple explanation on how this system works is whenever a student enters the class, the camera will capture the face, extract the objects, produce 3D points from the camera video, compare with the database to find similar image from cloud server and mark their presence and absent status automatically.

In addition, this AI face recognition technique also applied in some of the schools in China for surveillance purpose where the cameras are located at the school gate. Moreover, this technique is very interesting where it is used by the educator to keep track how often their students playing with their mobile phone and also the system is able to identify how many times a student yawn [4]. The management device will then give feedback to the educators. Therefore, with the help of this AI-based face recognition system, it able for educator to educate students to be more ethical by consulting them based on the observation information by the system.

As a part of improving the communication skills, an AI speech or voice recognition technique can be used. In China, an AI supported software called "AI teacher language learning system" has been develop to learn mandarin where cartoons and other interactive feature are added to the system. Nowadays there are a lots of AI supported software on the Internet for example

VoiceTra. This software helps very well for student in school or campus to communicate with friends from different country. For example, we have a friend from Japan and does not able to speak English. Therefore, we can talk with our own language to the software and the software will translate and speak on behalf of us with Japan language. With this, a communication can be continued without having the feeling to be scare of not to be understand by others. Furthermore, this type of AI-based product is able to help students or any new language learner to learn a new language.

A group of researcher [5] has developed a virtual counselling application using AI known as Virtual Patients (VP) to assist in nursing student communication skills. The main objective is to enhance nursing students perceived self-efficacy and confidence. An initial voice chatbot was trained using a natural language processing (NLP) engine, Google Cloud Dialogflow, and was later visualized into a three-dimensional (3D) avatar form using Unity 3D. With this development, they are hoping nursing students are able to prepare themselves before they face a real life situation later.

Finally, the critical thinking and problem solving skills where the Artificial Intelligence in Education (AIED) or known as an Intelligent Tutor System is implemented. With the help from AI, an intelligent tutoring system can be developed which enables students to learn, practice, and interact with peers or teachers but also provides hints, guidance, and supports to individuals based on their status or needs [3]. One of the example is Thinkster which is focusing on mathematics subject. A student will be given a series of maths questions and then, with this system, an expert or coach will track the student solution steps to solve a particular question. On the other side of this system, the AI-based system will identify and suggest strategies for solution steps improvement.

CONCLUSION

As a conclusion, we are witnessing that the AI techniques have the ability to be a game changer in developing or improving interpersonal skills. As a literature review study has concluded that the hard skills only contribute 15% to someone's success, while soft skills or interpersonal skills factor contributes up to 85% (John, 2009) [7], therefore based on this paper findings, there are more space for research and development needed to enhance the current AI-based system and also towards other AI implementation to help upgrading interpersonal skills.

REFERENCES

- Azmi, A. N., Kamin, Y., Noordin, M. K., Md. Nasir, A. N., (2018), Towards Industrial Revolution 4.0: Employers Expectations on Fresh Engineering Graduates, *International Journal of Engineering & Technology*.
- Faritha, B. J., Revathi, R., Suganya, M., Gladiss, M. N. R., (2019), IoT based Cloud Integrated Smart Classroom for smart and a sustainable Campus, 9th World Engineering Education Forum, WEEF 2019.
- Hwang, G. J., Xie, H., Wah, B., Gašević, D., (2020), Computers and Education: Artificial Intelligence, <https://doi.org/10.1016/j.caeai.2020.100001>.
- Panchal, K., Shaikh, M. B., (2020), Artificial Intelligence used in Schools of China, Proceedings of the 3rd International Conference on Advances in Science & Technology (ICAST).

- Shorey, S., Ang, E., Yap, J., Ng, E. D., Lau, S. T., Chui, C. K., 2019, A Virtual Counselling Application Using Artificial Intelligence for Communication Skills Training in Nursing Education: Development Study, *Journal of Medical Internet Research* 2019;21(10): e14658.
- Syahrudin, H., 2018, The Effect of Interpersonal Skills on Performance of Regional Secretariat Employees in Kapuas Hulu Regency, *Jurnal Terapan Manajemen dan Bisnis*, Volume 4: Number 2 September 2018. Page 192-201.
- Widjadja, A., Saragih, E. J., (2018), Analysis on the Effect of Hard Skills, Intrapersonal and Interpersonal Skills toward the Performance of Nurses (A Case Study on the Alumni of Husada Hospital Nursing Academy, Jakarta, Indonesia), *Journal of Research in Business and Management*, Volume 6: Issue 5 (2018) pp: 31-38.

Tinjauan Potensi Pembangunan Sebuah Perisian Kursus Peningkatan Kemahiran Insaniah berteraskan Islam

Muhamad Hilmee bin Izanee
hilmee@kuis.edu.my

Universiti Islam Selangor

ABSTRAK

Pembangunan Insaniah merupakan aspek yang dititikberatkan dalam dunia hari ini. Tambahan pula, kemahiran sendiri yang baik juga merupakan suatu keperibadian yang digalakkan dalam agama Islam. Terdapat pelbagai medium pembelajaran yang tersedia yang membolehkan individu muslim mengasah kemahiran insaniah khususnya dalam dunia di hujung jari menggunakan pelbagai bentuk peranti digital. Meskipun dengan pelbagai kemudahan teknologi yang tersedia, masyarakat tidak didedahkan dengan perisian kursus peningkatan kemahiran insaniah berteraskan Islam. Kajian ini bertujuan meninjau beberapa perisian kursus berkaitan pembangunan Insaniah yang tersedia dalam media digital kemudian menganalisis kekuatan setiap daripadanya kemudian mencadangkan sebuah rangka perisian kursus pembangunan berteraskan Islam. Kajian menunjukkan bahawa terdapat potensi yang besar untuk membangunkan perisian kursus peningkatan kemahiran insaniah berteraskan Islam berdasarkan kategori yang disenaraikan. Penggunaan perisian kursus sebagai medium pembelajaran adalah suatu yang wajar untuk diterokai khususnya dalam menerapkan elemen kemahiran insaniah berlandaskan acuan Islam.

Kata kunci: *kemahiran insaniah, perisian kursus*

1.0 Pendahuluan

Islam adalah sebuah agama yang *syumul* iaitu merangkumi semua aspek kehidupan manusia. Rasulullah S.A.W. sebagai pembawa risalah agama, justeru seorang contoh ikutan yang terbaik bagi seluruh manusia telah menunjukkan cara kehidupan yang terbaik kepada umat manusia baik daripada sudut ibadah mahupun aspek perhubungan dengan makhluk. Dari sudut pembangunan sendiri, Islam turut memberikan panduan agar manusia berpotensi untuk menambahbaik potensi diri justeru melahirkan modal insan yang bermanfaat kepada diri sendiri dan masyarakat di sekitarnya. Dalam suatu hadith Nabi S.A.W. pernah bersabda:

“Sebaik-baik manusia ialah yang paling banyak memberi manfaat kepada manusia lain” Hadith Riwayat Ibn Hibban

Kemahiran Insaniah, menurut Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah USIM (2022) terdiri daripada tujuh perkara berikut:

1. kemahiran komunikasi
2. pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah
3. kemahiran kerja berpasukan
4. pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat

5. kemahiran keusahawanan
6. etika dan moral profesion
7. kemahiran kepimpinan

Tujuh perkara ini adalah penting pada diri individu untuk menjadi seorang Muslim yang berkeperibadian yang baik.

Pembangunan Insaniah merupakan aspek yang dititikberatkan dalam dunia hari ini. Tambahan pula, kemahiran sendiri yang baik juga merupakan suatu keperibadian yang digalakkan dalam agama Islam. Terdapat pelbagai medium pembelajaran yang tersedia yang membolehkan individu Muslim mengasah kemahiran insaniah khususnya dalam dunia di hujung jari menggunakan pelbagai bentuk peranti digital. Meskipun dengan pelbagai kemudahan teknologi yang tersedia, masyarakat tidak didedahkan dengan perisian kursus peningkatan kemahiran insaniah berteraskan Islam.

2.0 Permasalahan Kajian

1. Apakah perisian kursus peningkatan kemahiran insaniah yang tersedia dalam media digital?
2. Apakah kelebihan perisian kursus peningkatan kemahiran insaniah yang tersedia dalam media digital?
3. Apakah kriteria perisian kursus peningkatan kemahiran insaniah berteraskan Islam yang berpotensi untuk dibangunkan?

3.0 Objektif

1. Untuk meninjau perisian kursus peningkatan kemahiran insaniah yang tersedia dalam media digital.
2. Untuk menganalisis kelebihan perisian kursus peningkatan kemahiran insaniah yang tersedia dalam media digital.
3. Mencadangkan kriteria perisian kursus peningkatan kemahiran insaniah berteraskan Islam yang berpotensi untuk dibangunkan.

4.0 Tinjauan literatur

4.1 Kemahiran Insaniah

Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah USIM (2022) telah menyenaraikan tujuh kemahiran insaniah yang perlu dikuasai oleh setiap mahasiswa iaitu kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesion dan kemahiran kepimpinan.

Banyak kajian dijalankan bagi membuktikan kepentingan kemahiran insaniah khususnya dalam dunia pendidikan.

Sebuah tinjauan terhadap penguasaan kemahiran insaniah pernah dijalankan oleh Siti Zakaria et al., (2017) yang bertujuan untuk melihat tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar Ijazah Sarjana Muda kursus Pengajian Islam daripada sebuah universiti awam tempatan. Hasil kajian menunjukkan pelajar menguasai enam aspek kemahiran insaniah pada tahap tinggi kecuali kemahiran keusahawanan pada tahap sederhana tinggi. Kajian mencadangkan pelajar Pengajian Islam menceburi bidang-bidang profesional yang lainnya tanpa melupakan peranan mulia sebagai penyebar mesej keislaman dan pendakwah dalam apa jua karier yang diceburi.

Kajian-kajian ini menunjukkan terdapat keperluan untuk meningkatkan daya kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar Islam.

4.2 Perisian kursus pendidikan Islam

Wan Noor Hazlina Wan Jusoh (2009) dalam kajiannya telah menyenaraikan beberapa kaedah penggunaan multimedia yang boleh digunakan dalam sesi pembelajaran bagi subjek pendidikan Islam seperti penggunaan slaid *PowerPoint*, klip video, peta minda dan internet. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan pelbagai alat dan elemen multimedia dalam sesi pembelajaran dalam kelas berjaya meningkatkan motivasi para pelajar di samping menyemai minat mereka pada subjek yang dipelajari. Pengkaji juga mendapati bahawa subjek Pengajian Islam berpotensi untuk dibangunkan dalam bentuk pembelajaran interaktif dengan menggunakan multimedia.

Ishak et al. (2011) telah menjalankan tinjauan terhadap penggunaan ICT dalam sesi pembelajaran subjek Pengajian Islam ataupun *Islamic Revealed Knowledge* (IRK) di Brunei. Sistem kurikulum di Brunei adalah berlandaskan Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 ataupun SPN21. Kajian mendapati penggunaan ICT dalam pengajaran subjek Pengajian Islam berperanan sebagai alat bantu mengajar yang baik untuk memahamkan kandungan kepada para pelajar. Kajian juga menekankan kepentingan untuk para pendidik untuk menguasai kemahiran menggunakan ICT. Penggunaan ICT dalam pembelajaran subjek Pengajian Islam mampu menggalakkan pemikiran yang kritis dan inovasi dalam kalangan pelajar.

Dalam kajian Mohd Isa Hamzah, Rinaldi, Khadijah Abdul Razak (2014) mendapati telah ada kesedaran kepada para pendidik untuk menggunakan elemen multimedia dalam sesi pembelajaran di institusi pengajian tinggi di Indonesia tetapi penggunaannya belum menyeluruh. Penggunaan elemen video dan animasi masih di tahap yang rendah kerana proses penyediaannya yang lebih sukar berbanding elemen multimedia yang lain manakala grafik merupakan elemen yang mempunyai julat yang tertinggi berbanding yang lain. Kajian ini juga mencadangkan supaya bebanan kerja para pensyarah dikurangkan bagi meningkatkan penggunaan elemen multimedia dalam pembelajaran.

Kajian Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff & Ammar Badruddin Romli, (2018) telah menilai kebolegunaan aplikasi mudah alih dalam kursus sains, teknologi dan kejuruteraan dalam Islam. Untuk menilai perisian ini, kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik terhadap 53 orang pelajar semester dua dan 22 orang pensyarah Unit Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pengajian Am di Politeknik Ungku Omar. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa pensyarah dan pelajar sangat berpuas hati terhadap aplikasi yang dibangunkan ini. Kesimpulan kajian ini menunjukkan pembinaan aplikasi mudah alih ini berjaya dibangunkan dan berpotensi dilaksanakan dalam


pengajaran dan pembelajaran bagi Kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam di seluruh Politeknik Malaysia.

Kajian Kamal Azmi Abd. Rahman & Muhammad Hilmee Izanee, (2019) telah meninjau dan menganalisis aplikasi mudah alih yang mengandungi / mengajar kanak-kanak tentang Islam di Playstore. Analisis yang dilakukan bertujuan untuk mengkategorikan aplikasi mudah alih pendidikan Islam bagi kanak-kanak berdasarkan kepada tema, ciri-ciri dan pendekatannya. Kajian mendapati bahawa aplikasi mudah alih paling popular iaitu berdasarkan kepada bilangan muat turun yang tinggi disebabkan oleh kepelbagaian fungsinya, interaktif dan mempunyai ciri-ciri yang menarik. Majoriti aplikasi mudah alih pendidikan Islam kanak-kanak tertumpu kepada tema Aqidah dan Kitab Suci (al-Quran). Akhir sekali, kajian mencadangkan pembangunan aplikasi mudah alih Islamik mungkin boleh menumpukan perhatian kepada tema-tema lain seperti Syariah, Akhlak dan kisah-kisah Nabi dengan metode penyampaian yang pelbagai pada masa akan datang. Hasil tinjauan literatur menunjukkan terdapat keperluan untuk meningkatkan daya kemahiran insaniah berteraskan Islam menggunakan kemudahan teknologi yang tersedia.

5.0 Metodologi

Kajian ini akan mengemukakan sebuah tinjauan tentang proses mengumpulkan maklumat dan kaedah menganalisis data yang diperolehi berkenaan perisian kursus peningkatan kemahiran insaniah yang didapati daripada dunia digital.

Kaedah pemilihan sampel yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah persampelan bertujuan atau *purposive sampling method* dan seterusnya dianalisis menggunakan kaedah analisis isi kandungan. Kaedah persampelan bertujuan ini membuat sebuah pemilihan yang strategik pada sampel yang dikehendaki (Palys, 2008) dalam kajian ini iaitu perisian kursus peningkatan kemahiran insaniah manakala dengan menggunakan kaedah analisis isi kandungan kajian akan mendapatkan pengulasan yang sistematik dalam menilai suatu dokumen sama ada berbentuk elektronik mahupun bercetak (Bowen, 2009). Data daripada perisian kursus ini dikumpulkan lalu disusun mengikut kategori yang ditetapkan.



6.0 Dapatan Kajian

6.1 Literatur Perisian kursus peningkatan kemahiran insaniah

Berdasarkan tinjauan, laman perisian kursus telah dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan (rujuk bahagian 5.0) kemudian dianalisis. Hasil tinjauan dan analisis disusun dalam jadual berikut.

a. Kategori 1: Aplikasi pencarian kerja

Bil	Perisian Kursus	Deskripsi
1	Career OneStop	Aplikasi ini dibangunkan oleh Jabatan Buruh A.S., Career OneStop menawarkan alat untuk penerokaan kerjaya dan pencarian pekerjaan. Pengguna boleh bermula dengan mencari pekerjaan atau jenis pekerjaan tertentu, yang membawa kepada butiran lanjut termasuk latihan, pensijilan, prospek pertumbuhan, gaji dan banyak lagi. Pengguna juga boleh menyemak imbas bidang kerjaya atau menggunakan alat pemprofil minat dan pepadanan kemahiran untuk mencari pekerjaan yang sesuai dengan pengguna. Data ini terhad kepada pasaran buruh A.S.

		tetapi terdapat banyak maklumat lain yang boleh berguna kepada khalayak global
2	Job Scout	Sama seperti Career OneStop tetapi perisian kursus ini mempunyai paparan antara muka yang mempunyai grafik yang lebih menarik. Job Scout memfokuskan pada menilai minat pengguna dan laluan kerjaya yang berpotensi. Pengguna juga boleh mengambil kuiz untuk mengetahui pekerjaan atau bidang yang sesuai untuk mereka, kemudian ketahui lebih lanjut tentang rupa kerjaya dalam bidang itu melalui video semasa kerja dan maklumat lain

b. Kategori 2: Aplikasi persediaan temu duga

Bil	Perisian Kursus	Deskripsi
1	Virtual Speech	Aplikasi realiti maya (VR) ini bertujuan untuk membantu pengguna mempraktikkan pengucapan awam — sama ada di hadapan penemuduga, beberapa orang di dalam bilik persidangan, atau bahkan beberapa ratus di dewan perhimpunan — memberikan anda perasaan yang anda benar-benar berada di dalamnya bilik itu bersama-sama penemuduga. Aplikasi ini, yang memerlukan apa-apa jenis set VR, juga mempunyai koleksi video yang hebat yang memberikan nasihat dan pelajaran penting mengenai bercakap dan menggunakan suara anda.
2	JobPro: Get Prepared!	Satu lagi aplikasi, daripada syarikat inovatif SimCoach Games, mengambil lebih daripada perspektif main peranan mengenai penyediaan temu duga. Dalam Get Prepared!, anda menyelidik bakal majikan anda, mengemas kini dan mencetak resume anda, memilih pakaian dan banyak lagi. Masa anda mesti digunakan dengan bijak untuk membuat persediaan dan hadir ke temuduga anda tepat pada masanya.

3	JobPro: Get Hired!	Perisian ini memberikan pengguna merasakan perasaan semasa temu duga. Pengguna mesti mengelakkan kehilangan ketenangan dan terganggu, memberi perhatian kepada bahasa badan, dan menjawab soalan dengan sebaik mungkin. Seperti aplikasi JobPro yang lain, permainan ini memberitahu anda bagaimana anda melakukannya pada akhirnya
---	---------------------------	---

c. Kategori 3: Aplikasi kecemerlangan dalam pekerjaan

Bil	Perisian Kursus	Deskripsi
2	JobPro: My Life	JobPro: My Life lebih memfokuskan pada keseimbangan kerja dan kehidupan. Menggunakan format permainan, ia menguji keupayaan pemain untuk mengimbangi kerja dan kehidupan peribadi mereka. Ia berfungsi dengan baik menunjukkan betapa keputusan kecil — seperti sama ada untuk bersosial dengan rakan atau bersenam dan bukannya bekerja sepanjang masa — boleh membantu hari dan kehidupan kita berjalan dengan lebih lancar.





d. Kategori 4: Aplikasi keusahawanan




Bil	Perisian Kursus	Deskripsi
1	Business Inc 3D	Jika program anda lebih tertumpu pada keusahawanan, permainan seperti Business Inc 3D mensimulasikan menjalankan perniagaan permulaan. Tanggungjawab yang diberikan kepada pemain termasuk mengurus pekerja, merancang dan melaksanakan projek, membeli peralatan pejabat, mengejar pesaing, dan mengurus kewangan syarikat anda. Permainan ini mudah tetapi berkesan, dan kadangkala agak berulang.

e. Kategori 5: Aplikasi pembangunan sendiri

Bil	Perisian Kursus	Deskripsi
1	I Meet Myself	I Meet Myself boleh digambarkan sebagai "penyelamat jiwa." Empat bab cerita yang berbeza membawa anda untuk bertanya dan menjawab soalan tentang diri anda dengan cara yang semakin mencari dan introspektif. Jawapan ini boleh membantu mendedahkan dan mengukuhkan kepercayaan, keinginan dan matlamat peribadi, mengembangkan kemahiran intrapersonal dan emosi sepanjang perjalanan. Ini adalah laluan penemuan diri dan aktualisasi diri kerana anda digalakkan untuk bersabar dan lemah lembut dengan diri anda.

f. Imej Perisian Kursus

Perisian Kursus	Imej
<p>Career OneStop</p>	
<p>Job Scout</p>	
<p>Virtual Speech</p>	
<p>JobPro: Get Prepared!</p>	

<p>JobPro: Get Hired!</p>	 <p>Make a smile gesture to remain smiling.</p> <p>Hired. ✓ SCORE: 190/250 Good job! You did alright, but you can always do better. Remember to show respect and come up with good answers to the questions!</p> <p>Interview Behavior</p> <table border="1"> <tr> <td>Ignored Phone</td> <td>93.6%</td> </tr> <tr> <td>Smiled</td> <td>92.8%</td> </tr> <tr> <td>Didn't Fidget</td> <td>86.8%</td> </tr> <tr> <td>Sat Straight</td> <td>83.1%</td> </tr> <tr> <td>Eye Contact</td> <td>80.6%</td> </tr> </table>	Ignored Phone	93.6%	Smiled	92.8%	Didn't Fidget	86.8%	Sat Straight	83.1%	Eye Contact	80.6%
Ignored Phone	93.6%										
Smiled	92.8%										
Didn't Fidget	86.8%										
Sat Straight	83.1%										
Eye Contact	80.6%										
<p>JobPro: My Life</p>	 <p>Travel to the Mall Gonna go shopping!!</p> <p>WALK \$0 0:40 TAKE THE BUS \$3 0:20 CANCEL</p> <p>Life Coach What would you like to be coached on?</p> <p>JOB PREPARATION \$0 1:00 RESUME HELP \$0 1:00 INTERVIEW PRACTICE \$0 1:00 CANCEL</p>										
<p>Business Inc 3D</p>											
<p>I Meet Myself</p>	 <p>THE IMMERSIVE SELF-DISCOVERY APP I ME-ET MYSELF</p> <p>FEELING LOST? DON'T KNOW WHAT YOU WANT? TRY BE DISCOVERING YOURSELF.</p> <p>STORY, QUESTIONS, VALUES — PLEASE BE PATIENT —</p> <p>I Meet Myself</p> <p>Start Story Review Story Guide Credits</p>										

6.2 Analisis kriteria perisian kursus peningkatan kemahiran insaniah

Bil	Perisian Kursus	Kelebihan			
		Grafik	Kuiz	Simulasi	Permainan
1	Career OneStop		√		
2	Job Scout	√	√		
3	Virtual Speech	√		√	
4	JobPro: Get Prepared!	√	√		√
5	JobPro: Get Hired!	√	√		√
6	JobPro: My Life	√	√		√
7	Business Inc 3D				√
8	I Meet Myself		√		

Berdasarkan analisis pada bahagian 6.2 menunjukkan elemen yang mempunyai kadar yang tertinggi ialah kuiz. Manakala kedua adalah grafik, ketiga pula adalah permainan dan keempat adalah simulasi.

6.3 Cadangan Perisian Kursus Peningkatan Kemahiran Insaniah Berteraskan Islam


According to Merriam dictionary, enjoyment means a feeling of pleasure caused by doing or experiencing something one like or the condition of having and using something that is good and pleasant. It is also appeared naturally without being force. By giving something invigorating, they will involve themselves in speaking without being compel. The elements of comfort and confidence permitted them to have fun and use the target language without being vulnerable. Data is confirmed the reflection data by saying that they feel happy, fun, enjoyable, great experience, encouraging, confident and brave when completing their project. **Evidence below;**

*“...i had the **opportunity to meet with many foreigners**.”(S4)*

*“have **experience in how to greet strangers** in the right and proper way”(S5)*

*“...through my experience speaking with foreigners **it so fun and they are easy**..”(S6)*

*“...this project also give me some **memorable thing** that I never experienced before..”(S8)*

*“...it was **enjoyable** to be in this wonderful group..”(S14)*

*“this is a **great experience** for me.”(S15)*

*“im very **happy** for our project...”(S24)*

From Arabic Students:

*“...a **great experience** to speak in Arabic with students from different local universities...”(G3)*

*“...**great experience** of working together to overcome video editing problems and producing the best video...” (G4 & G5)*

*“... **happy** because we able to perform and complete this task well and applies what has been learned...”(G6)*

*“...**gain new experience** and increase our understanding in Arabi language...” (G7)*

*“...strengthen the relationships and **memorable thing** with the team member, **new experience** to prepare the interview questions in Arabic and **great experience** providing scripts in words to video editing applications ...”(G8)*

*“...**great experience** of using video calls to Malaysian students in Arabic from Egypt ...” (G9)*

*“...**we are happy** to make a new friends with Arabic-speaking friends...” (G10)*

*“...**a great experience** to talk with Malaysian students in Arabic from Egypt ... ” (G11)*

All in all, the students had a very positive attitude towards the project. They were positive about the benefits and usefulness of the real world practice in future undertaking. They agreed that the project helped them to interact with others better. The studies have not found the negative side of impacts project from students. Average students give a positive comment.

5. CONCLUSION

In summary, the findings show that the students perceived that they had better their communication skills in the course. They also learn a lot of new technology and video editing application for this Interview Project. This study contributes to a better understanding of the range of student experiences, their views, and the challenges that students face in meeting and using the target language outside the classroom. It will also provide valuable information for designing an oral communication course that meets the needs of students.

This study has established that the interviewing foreigners encouraged the use of language and motivate students cognitively and emotionally. The big question however remains whether the participation will lead to; increase proficiency and the rate of acquisition. As such it is recommended that future studies concentrate on longitudinal studies to view whether level of participation actually translate into better proficiency and the rate of that acquisition

References

- Awatif, Ku Fatahiyah & Hairun, t.th. Persepsi Pelajar Di Ipt Malaysia Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab, from <https://ejurnalfp.files.wordpress.com/2015/08/persepsi-pelajar-di-ipt-malaysia-terhadap-pengajaran-dan-pembelajaran-bahasa-arab.pdf>
- Belchamber, R. (February 2007). The Advantages of Communicative Language Teaching. *The internet TESL journal* , Vol. XIII, No. 2.
- Boud, D., Keogh, R & Walker, D. (1994). Reflection: Turning Experience into Learning. USA. Nicols Publishing Company
- Brownlee, J. (2009). *Participatory Learning in the Early Years*. United States: Routledge.
- Byrne, D, (1991). *Teaching Oral English*, England: Longman
- Bremner, S. (1999). Language learning strategies and proficiency: investigating the relationship in Hong Kong. *Canadian Modern Language Review*, 55(4),490e514.
- Cavana, R. Y., Delahaye, B. L., & Sekaran, U. (2001). *Applied business research: Qualitative and quantitative methods* (Australian ed.). Milton, Queensland, Australia: J. Wiley.
- C. Ciborra, & F. Land (Eds.), *The social study of information and communication technology: Innovation, actors, and contexts* (pp. 17-37). Oxford, UK: Oxford University Press.
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative Inquiry and research design: Choosing among five traditions*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Chang, M, (2011), EFL Teachers' Attitudes toward Communicative Language Teaching in Taiwanese College, *Asian EFL Journal Professional Teaching Articles*, Volume 53 July 2011. Retrieved on February 6, 2012, from <http://www.asian-efl-journal.com/PTA/Volume-53-mc.pdf>
- Celce- Murcia (1984) Interaction and Communication in the Classroom, *English Teaching Forum* 27(1), 3-7
- Eisenhardt, K. M. (1989). Building theories from case study research. *Academy of Management Review*, 14(4), 532-550.
- Folse S.K (2006) *The Arts of Teaching Speaking: Research and Pedagogy for the ESL/EFL Classroom*. United States of America: The University of Michigan Press.
- Husain, F., Mohamad, A. (December, 2015) Analysing students perceptions towards oral communication for social and occupational purposes, Australia International Academic Centre, Vol. 6, Retrieved Jan 22, 2018
- Huang, S.J and Liu. H.F, (2000), Communicative Language Teaching in a Multimedia Language Lab, *The Internet TESL Journal*, Vol. VI. Retrieved March 1, 2009, from <http://iteslj.org/>
- Kitzinger, J. (1994). The methodology of Focus Groups: the importance of interaction between research participants. *Sociology of Health and Illness*, 16, 103-121.
- Kim.M.Y & Heerman.C.E, (1999, July 7). *Teacher Perceptual Comparisons towards Two Specific Communicative and Whole Language Dimensions in ESL Instruction*, *The Internet TESL Journal*, Vol V. Retrieved February 29, 2009 from <http://iteslj.org/Articles/Kim-Comparisons.html>

- Lombardo, L.(1983, January), Oral Testing: Getting a Sample of Real Language, *English Teaching Forum*, Vol 19-21, USA, Graphichouse. Ltd
- Lee.D, Brosziewski.A, (2009), *Observing Society: Meaning, Communication and Social Systems*, New York, Cambra Press
- Lepper, M. R., Iyenger, S. S., & Corpus, J. H. (2005). Intrinsic and extrinsic motivational orientations in the classroom: age difference and academic correlates. *Journal of Educational Psychology*, 97(2), 184e196.
- Malaysia Education Blueprint, (2015). Ministry of Education Malaysia. Retrieved from www.moe.gov.my, Putrajaya Malaysia.
- Maskanah, Badri & Mohd Feham Md Ghalib, (2013), Students' Perception of an Arabic Language Course in Humanities Degree Programmes at the International Islamic University Malaysia, *World Applied Sciences Journal 21 (Special Issue of Studies in Language Teaching and Learning* ,pg 36-43, 2013, from <http://irep.iium.edu.my/30136/>
- Mayer, R.E. (1987) *Educational Psychology. A Cognitive Approach*. USA. Harper Collins Publisher.
- McCormick, C. B., Dimmitt, C. A., Sullivan, F. R. (2013). Metacognition, learning, and instruction. In *Handbook of psychology* (pp. 69-97).
- McKinney, K. (2010). *Active Learning*. Normal, IL. Center for Teaching, Learning & Technology .
- Micheal, A. (2003). *Classroom Management 3rd Edition*. Australia: Thomson.
- Mohd Shahrizal, Nurkhamimi & Muhammad Sabri, (2017), Persepsi Pelajar Bukan Muslim terhadap Pembelajaran Bahasa Arab, *ISLAMIYYAT 39(1) 2017*, from <http://journalarticle.ukm.my/11924/1/21592-67917-1-PB.pdf>
- Mountford, B., Rogers, L. (1996). Using individual and group reflection in and on assessment as a tool for effective learning. *Journal of Advanced Nursing*, 24, 1127-1134.
- Mustapha, W. Z. (January 2010). ESL Students Communication Apprehension and their Choice of Communicative activities. *AJTLHE, Vol. 2, No 1* , 22-29.
- Muth, K. D & Alvermann, D. E. (1999). *Teaching and Learning in the Middle Grades*, 2nd ed. United States of America: Ally & Bacon.
- Nadwah & Nadhilah, (2014), Permasalahan Pertuturan Dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua, *GEMA Online® Journal of Language Studies*, Volume 14(1) February 2014, from <http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/3374>
- Nunan, D. (1992). *Research methods in language learning*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Onwuegbuzie, A., & Leech, N. L. (2007). Sampling designs in qualitative research: Making the sampling process more public. *The Qualitative Report*, 12(2), 238-254. Retrieved [Insert date], from <http://www.nova.edu/ssss/QR/QR12-2/onwuegbuzie1.pdf>
- Oxford dictionary Advance Learner's, (2010) 8th edition, England, Oxford press
- Offner.M.D, (1995, November 1), Communicating in English: Flexibility Within A Norm, *The Internet TESL Journal*, Vol 1. Retrieved February 29, 2009 from <http://iteslj.org/Articles/Offner-Communicating.html>
- Poyatos. F, (1993), *Paralanguaga: A linguistic and interdisiplinary approach to interactive speech and sound*, Philadelphia, John Benjamins Publishing Company

- Reiss, M. (1983). Helping the unsuccessful language learner. *Forum*, 21(2), 1-8.
- Rusche, S., Jason, K. (2011). You have to absorb yourself in it: Using inquiry and reflection to promote student learning and self-knowledge. *Teaching Sociology*, 39, 338-353.
- Ribbens. G, (2001), *Understanding Body Language*, New York, Barron's Education Series.
- Rigney, J. W. (1978). Learning Strategies: A theoretical perspective. In H. F. O'Neil, Jr. (Ed.), *Learning strategies*. New York: Academic Press.
- Sayer, P. (2005). An intensive Approach to Building Conversation Skills, *ELT Journal* 59 (1), 14-23
- Straub, D., Boudreau, M. C., & Gefen, D. (2004). Validation guidelines for IS positivist research. *Communications of the Association for Information Systems*, 13, 380-427.
- Strauss, A. L. (1987). *Qualitative analysis for social scientists*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Stein. M. (1999), The Bridge: From Research to Practice Developing Oral Proficiency in the Immersion Classroom, *ACIE Newsletter* Volume 2 Number 3 May 1999.
- Shoemaker L.C & F.F(1991). *Interactive Technique for the ESL Classroom*. United States of America: Heinle & Heinle Publisher
- Sueraya, Ismail, Arifin & Ismaiel, (2010), Understanding Arabic-Speaking Skill Learning Strategies Among Selected Malay Learners: A Case-Study At The International Islamic University Malaysia (IIUM), *Contemporary Issues In Education Research*, Volume 3 August 2010, from <http://irep.iium.edu.my/12528/>
- Trauth, E. M. (1997, May/June). *Achieving the research goal with qualitative methods: Lessons learned along the way*. Paper presented at the Proceedings of the IFIP TC8 WG 8.2 International Conference on Information Systems and Qualitative Research, Philadelphia, PA.
- Walsham, G. (1995). Interpretive case studies in IS research: Nature and method. *European Journal of Information Systems*, 4(2), 74-81.
- Yancey, K. (1998). Getting beyond exhaustion: Reflection, self-assessment, and learning. *Clearing House*, 72, 13-17.
- Yin, R. K. (2003). *Case study research: Design and methods* (3rd ed., Vol. 5). Thousand Oaks, CA: Sage

MENELITI PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP PENDIDIKAN DAN KEMATANGAN POLITIK BELIA

Nor Azlina Endut
norazlina@kuis.edu.my

Rohaini Amin
rohaini@kuis.edu.my

Rosfazila Abd. Rahman
rosfazila@kuis.edu.my

Universiti Islam Selangor (UIS)

ABSTRAK

Kesinambungan kejayaan dan kemakmuran sesebuah negara pada masa kini bergantung kepada aset penting yang dimiliki negara iaitu golongan belia. Manakala kematangan politik belia merupakan salah satu penanda aras kepada keharmonian dan perpaduan di seluruh pelusuk dunia termasuk Malaysia dan antara cabaran politik yang perlu terus diberikan perhatian bagi menjamin kestabilan negara yang bertunjangkan masyarakat majmuk. Tujuan artikel ini adalah untuk meneliti pengaruh media sosial terhadap pendidikan dan kematangan politik belia di Malaysia. Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan pendekatan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati pendidikan dan kematangan belia dalam politik amat penting supaya golongan belia dapat menilai dan mengurus isu-isu nasional secara lebih terdidik. Penggunaan media sosial dalam kalangan belia membuktikan penggunaan medium baharu ini menawarkan aplikasi interaktif menjadikan media sosial lebih popular dalam pencarian maklumat berbanding media konvensional dalam kalangan Gen-Y. Situasi semasa menunjukkan wujud peralihan budaya politik dalam kalangan belia yang dilihat dengan lebih selesa untuk berpartisipasi politik menerusi media sosial. Justeru, puncak kepada integrasi rakyat terutamanya golongan belia adalah mempunyai kefahaman yang jitu dalam ilmu berbentuk politik sebelum menyertai lapangan politik secara aktif seperti penglibatan dalam pilihan raya atau penyertaan dalam parti politik.

Kata kunci: *Impak, Media Sosial, Pendidikan Politik, Kematangan Politik, Belia*

Pengenalan

Mutakhir ini keprihatinan dan penglibatan golongan belia dalam perkembangan politik di sesebuah negara semakin meluas, terbuka dan dinamik. Perubahan naratif ini sejajar dengan kemajuan

teknologi, proses pendemokrasian moden, pola globalisasi dan aliran pergerakan manusia tanpa batas yang nyata. Perubahan tersebut bukan sahaja mendorong pengembangan ilmu yang merentas sempadan tetapi turut melibatkan perkongsian informasi secara berleluasa mendorong generasi belia Malaysia juga tidak terlepas dari arus kontemporari yang pesat melanda dunia kini.

Selain keluarga dan institusi pendidikan, media massa juga bertindak sebagai agen sosialisasi yang sangat berpengaruh kepada masyarakat semasa. Dari sudut sosiologi, media memainkan peranan yang cukup penting dalam setiap aspek kehidupan dan memberi kesan tertentu terhadap cara seseorang individu mempelajari tentang dunia dan berinteraksi antara satu sama lain (Chala 2004). Kesan ini amat ketara jika diperhalusi proses bagaimana media menghubungkan individu dengan pelbagai institusi sosial seperti politik dan budaya.

Dalam era multimedia hari ini, kebanyakan pengguna media lebih kerap menggunakan media sosial berbanding media cetak kerana unsur imej visual, bunyi kompleks, grafik bergerak dan menjadikan media sosial lebih interaktif (Willnat et al., 2013) dan berpengaruh dalam mencipta fenomena penyertaan politik yang dramatik (Norhayati, 2008; Sudin, 2017). Selain itu, elemen utama media sosial yang tidak diperolehi daripada media tradisional adalah media sosial membuka platform penggunaannya berinteraksi secara meluas dalam satu-satu masa dan maklumbalas diterima lebih pantas (Fatimah & Ali, 2015).

Di Malaysia, media elektronik seperti televisyen merupakan medium popular dalam kalangan masyarakat terutamanya kandungan berita, hiburan dan juga program yang bercorakkan keagamaan (Wahab, 2011). Dengan corak pemilikan yang meningkat pada setiap tahun (Ali, 2005), televisyen memainkan peranan yang cukup besar dalam membantu kepada perkembangan ideologi termasuklah dari sudut politik dan pembentukan identiti budaya. Pada masa yang sama, kerajaan sering menjadikan televisyen sebagai medium utama dalam mengetengahkan agenda politik dan budaya semasa secara berterusan (Karthigesu 1994a; 1994b; 1998). Namun, perubahan lanskap teknologi media semasa pada hari ini telah mendorong kerajaan untuk mempercayai bahawa corak pemikiran masyarakat khususnya generasi belia hari ini tidak dibentuk atau disuburkan melalui mana-mana kenyataan politik dalam sebarang media massa tradisional seperti televisyen dan akhbar. Kerajaan turut yakin bahawa generasi muda cenderung untuk mempercayai terhadap apa yang tersebar melalui teknologi media baharu khususnya media sosial seperti Facebook, Blogs, YouTube, Twitter, Instagram dan sebagainya. Pada masa yang sama, teknologi media baharu dianggap popular, relevan dan menjadi sumber alternatif penting dalam kalangan khalayak Melayu semasa khasnya generasi muda (Utusan Malaysia, 2010).

Penyertaan dan penglibatan aktif golongan belia dalam masyarakat dan amalan demokrasi adalah sangat penting sebagai tindak balas terhadap usaha memenuhi keperluan dan jaminan bahawa hak asasi mereka diktiraf dan dikuatkuasakan (United Nation 2012). Partisipasi ini menawarkan keupayaan mereka untuk bercakap bagi pihak golongan belia yang lain dan melakukannya dalam cara yang boleh diterima dan memberikan kelebihan kepada mereka. Penyertaan dan kepimpinan belia bermakna golongan belia dan organisasi yang dipimpin mempunyai peluang, kapasiti dan mendapat manfaat daripada persekitaran yang diperlukan dan program berasaskan tujuan serta polisi di semua peringkat. Penyertaan aktif belia dalam membuat

keputusan dan tindakan yang diambil di peringkat tempatan dan rantaian seterusnya adalah asas penting jika kita mahu membina sebuah masyarakat yang menyeluruh dan lebih demokratik (Mohd Uzaini & Suhana, 2018).

Oleh kerana itu, artikel ini akan mengupas dengan lebih lanjut tentang pengaruh media sosial terhadap pendidikan dan kematangan politik golongan belia di Malaysia.

Media Sosial

Media sosial adalah teknologi terkini yang berkait rapat dengan bidang komunikasi. Secara amnya, medium ini memainkan peranan yang sangat penting bukan hanya terhadap kepada cabang bidang komunikasi, malah berupaya menyebarkan maklumat kepada seluruh masyarakat. Medium komunikasi ini sememangnya mempunyai sasaran khalayaknya yang tersendiri khususnya kepada golongan belia. Menerusi penyebaran maklumat, teknologi media mampu untuk mempengaruhi setiap golongan masyarakat dalam segenap sudut seperti pemikiran mahupun persepsi. Pengaruh teknologi media terhadap masyarakat terutamanya bagi seseorang individu itu adalah berbeza dan bergantung kepada pemikiran dan persepsi tersendiri (Nur Aishah Zainal et al, 2020).

Kemunculan media sosial hasil daripada perkembangan rangkaian internet telah menjadikan media tersebut sebagai agen demokrasi maklumat. Tambahan lagi, media sosial menawarkan pelbagai jenis maklumat terkini seperti dialog dan perkongsian maklumat melalui blog, forum, wiki, chat, rangkaian sosial serta lain-lain perisian (Kubiszewski, Noordewier, & Costanza, 2011). Bukan itu sahaja, *hyperlink* dan enjin carian juga dapat menghubungkan semua secara bersama di samping memberi lebih banyak pilihan kepada para pengguna untuk meneroka dan berkongsi maklumat.

Sememangnya penggunaan media sangat mudah dipraktikkan dalam gaya hidup masyarakat. Kenyataan ini disokong oleh Ilah Holilah (2016) yang menyatakan bahawa media sangat memainkan peranannya sebagai alat bagi penyebaran informasi dalam kalangan masyarakat. Selain menjadi agen penyampai kepada masyarakat, media baharu juga menjadi salah satu perantara mekanikal yang mengandungi, menyimpan dan mentransmisi mesej. Media baharu ini juga meliputi peranan yang menggunakan perantara tersebut untuk menyalurkan mesej. Menerusi perantara saluran media, sesuatu mesej dapat disalurkan kepada khalayak secara jelas dan meluas. Jarak di antara penyampai dan penerima maklumat tidak menjadi halangan kerana ianya boleh disalurkan dan diperolehi menerusi medium ini dalam jangka masa tertentu. Fungsi media yang diketahui umum juga merupakan penganda maklumat yang sangat berpotensi untuk menyalurkan pelbagai informasi kepada kumpulan sasaran tertentu.

Monika et al. (2017) menyatakan bahawa perkembangan media telah membawa banyak perubahan menerusi setiap aspek kehidupan manusia dan mempunyai sandaran yang kuat dalam proses penyampaian. Walaubagaimanapun, variasi maklumat banyak disalurkan kepada masyarakat menerusi saluran media sosial. Inovasi teknologi media sosial yang lebih canggih berbanding dengan media tradisional amat membantu proses penyaluran maklumat kepada

masyarakat. Penyampaian maklumat lebih tertumpu kepada laman sesawang (*website*), blog dan media sosial. Informasi kenegaraan yang disalurkan menerusi kesemua medium media ini memainkan peranan yang sangat penting dalam menyebarkan maklumat, menyampaikan ilmu pengetahuan dan sekaligus mendidik masyarakat.

Pendidikan Politik

Literasi politik merupakan isu utama yang membawa kepada permasalahan sehingga kini. Akibat daripada kurang pemahaman dan bergantung dengan persepsi dan politik ikut-ikutan, rakyat akan melalui proses politik negara dengan penuh kesamaran dan mengakibatkan penyertaan atau partisipasi dalam politik secara songsang dan lebih memburukkan lagi terdapat jumlah peratusan yang besar memilih untuk tidak terlibat dalam politik termasuklah pengundian pilihan raya. Shamsul (2013) menyokong pendapat di atas dengan membuktikan bahawa menerusi kajian beliau mengenai kedudukan literasi politik di Malaysia menunjukkan bahawa peratusan rakyat yang celik politik berada di paras rendah. Jaminan kepada kesetiaan rakyat dan sifat patriotisme adalah melalui sistem politik yang telus dan dinamik. Literasi politik adalah suatu matlamat penting bagi menentukan kesetiaan rakyat. Ini kerana dengan celiknya seseorang akan isu, proses dan kepentingan politik, rakyat akan berusaha untuk memastikan mereka melibatkan diri dalam politik yang telus dan bersih.

Menurut "*Theory of Citizenship Education*" oleh Benard Crick, rakyat perlu mempunyai peluang pendidikan politik supaya menjadi warganegara yang baik dalam sesebuah negara (McCowan, 2006). Malaysia membuktikan akan kepentingan literasi politik dengan memastikan rakyat berpeluang mendapatkan pendidikan politik di negara ini. Berdasarkan disiplin Sains Politik, pendidikan politik secara mudahnya ditakrifkan sebagai pembinaan keupayaan seorang warga untuk terlibat dalam proses membuat keputusan pada tingkat yang berbeza, baik dalam politik formal mahupun tidak formal. Ia termasuk pemahaman bagaimana kerajaan berfungsi dan isu-isu penting yang dihadapi oleh masyarakat, serta kemahiran berfikir kritis untuk menilai pandangan yang berbeza. Maka, pendidikan politik ini seringkali ditindan-tindih dengan pendidikan sivik, pendidikan kenegaraan, pendidikan moral serta pemikiran kritis. Ada juga yang menyatakan bahawa pendidikan sejarah serta kajian tempatan juga sebahagian daripada pendidikan politik.

Banyak pengkaji meletakkan matlamat pendidikan itu sendiri, selain daripada menyediakan pelajar untuk menyertai dunia pekerjaan, juga memiliki fungsi politik iaitu membentuk warga yang bertanggungjawab – sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) yang dengan jelas menyatakan:

"Dan bahawasanya pendidikan mempunyai peranan penting dalam menjayakan wawasan negara demi untuk mencapai taraf negara maju sepenuhnya dan segi kemajuan ekonomi, keadilan sosial, dan kekuatan rohani, moral dan etika, ke arah mewujudkan suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, liberal dan dinamik."

Menurut Sheikh 'Umar (2019), pendidikan politik dalam kalangan belia bukanlah dengan menghafal sejarah parti politik atau pemimpin-pemimpinnya (walaupun sedikit sebanyak ini yang dilakukan sebelum ini) tetapi adalah untuk membina kemahiran berfikir serta mengartikulasikan idea mereka. Pendidikan politik juga bertujuan untuk mendidik belia dengan semangat demokrasi,

merayakan kemajmukan pandangan, menghargai perbezaan serta menghormati keluhuran Perlembagaan. Pendidikan politik tidak harus menjurus belia untuk menyanjung atau memuja mana-mana parti mahupun pemimpin tertentu tetapi pada masa sama masih berlaku adil terhadap sumbangan serta bakti mereka. Malah, matlamat pendidikan politik adalah untuk membebaskan rasa kebergantungan (*dependency*) ini yang merupakan saki baki nilai neo-feudalisme yang masih melekat dalam diri kita.

Pendidikan politik juga harus menekankan penggunaan rasional dalam menimbang hujah serta pandangan. Hanya dengan ini, para belia dapat membezakan antara retorik dan logik. Mereka juga mesti memahami aspirasi negara (bukan parti pemerintah) contohnya melalui pengertian Rukun Negara (yang kadang-kala pada kita hanyalah hafalan mantera semasa perhimpunan mingguan di sekolah). Secara ringkasnya, pendidikan politik inilah yang bakal menghasilkan warga yang matang ataupun dalam disiplin Sains Politik sering dirujuk sebagai kecelikan politik (*political literacy*). Oleh itu, pendidikan politik di sekolah tidak semestinya dengan memperkenalkan mata pelajaran yang baharu akan tetapi ia boleh sahaja dengan memantapkan mata pelajaran yang sedia ada kerana fokus yang paling penting adalah melahirkan belia/bakal pengundi/warganegara yang matang dalam berpolitik.

Tidak dinafikan, sistem pendidikan formal penting bagi melahirkan kematangan politik belia negara, namun kematangan politik merupakan satu nilai peradaban yang tinggi dan tidak mungkin boleh dicapai menerusi sistem pendidikan formal semata-mata. Pemeraksanaan peranan belia dalam soal-soal kemasyarakatan dan kesukarelawanan komuniti sejak bangku sekolah seharusnya tersirat dalam agenda pendidikan nasional bagi membolehkan golongan ini dapat menerapkan pemahaman mereka terhadap keperluan masyarakat setempat dan kepentingan perjuangan budaya politik mengikut acuan citra negara yang positif. Organisasi-organisasi belia seperti Majlis Belia dan persatuan-persatuan belia perlu mengembangkan usaha untuk mendidik dan memimpin golongan belia dalam hal-hal kenegaraan dengan lebih menyeluruh seperti mengadakan kempen-kempen pendidikan kenegaraan terancang dan aktiviti-aktiviti yang boleh membina semangat patriotisme dalam kalangan golongan ini. Belia harus didedahkan dengan ilmu berorganisasi, berpersatuan dan mengenali sifat parti-parti politik sebagai satu kaedah memantangkan fikiran mereka.

Kematangan Politik

Kematangan bermaksud kesempurnaan fikiran (pengalaman atau lain-lain) dan tindak-tanduknya memperlihatkan/cara berfikirnya. (Kamus Dewan Edisi Keempat). Secara umum kematangan bermaksud kedewasaan pemikiran seseorang dan cara memberi tindakbalas kepada suasana sekeliling yang menunjukkan kematangan seseorang. Kematangan politik individu belia turut dikaitkan dengan kadar literasi politik yang dimilikinya. Istilah kematangan politik juga boleh dihubungkan dengan sikap politik (*political attitude*) dan perilaku politik (*political behaviour*) seseorang (Dzuhailmi, 2019). Maka boleh disimpulkan kematangan politik bermaksud kedewasaan pemikiran seseorang terhadap politik di mana kematangan politik seseorang terzahir serta boleh dinilai melalui pandangan atau tindakan yang diluarkannya mengenai isu politik khususnya atau kenegaraan amnya, selain kesediaan menerima kritikan dari pihak lain dalam keadaan emosi yang stabil. Asasnya ialah bagaimana seseorang itu mengurus perbezaan melalui nilai peradaban yang tinggi.

Belia

Definisi belia adalah merujuk kepada individu yang berumur antara 15-40 tahun yang mengambil kira skop di Malaysia. Walau bagaimanapun, umur ini adalah berbeza di pelbagai negara iaitu mengikut takrifan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi belia ialah antara 15-24 tahun manakala menurut Kesatuan Negara-Negara Bekas Jajahan British atau Commonwealth pula antara 16-24 tahun. Menurut Azizan Bahari (1995) menjelaskan definisi sekarang yang menyatakan lingkungan umur antara 15 hingga 40 tahun sebagai belia itu adalah luas dan tidak sesuai lagi bagi masyarakat Malaysia pada hari ini yang pantas berkembang dengan pelbagai aktiviti dalam hidup seharian. Malah, DPBN 1997 disemak kembali melalui beberapa peringkat antaranya, pada 5 November 2014 Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia, 17 November 2014 Majlis Perundingan Belia Negara, 27 Januari 2015 Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara dan 21 April 2015 Mesyuarat Jemaah Menteri. Akhirnya, pada Oktober 2015 dikuatkuasakan kepada segala bentuk perancangan belia Malaysia. Dalam hal ini, umur belia bukan lagi antara 15 hingga 40 tahun, sebaliknya kepada umur 15 hingga sebelum berumur 30 tahun (>15 hingga < 30) (Kementerian Belia dan Sukan, 2015).

Namun, tafsiran umur belia tersebut telah ditakrifkan semula kepada kategori umur antara 15 hingga 30 tahun yang akan berkuatkuasa pada 31 Disember 2021. Takrifan baru telah diluluskan oleh Dewan Rakyat melalui Rang Undang-Undang (RUU) Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 (Akta 668) (Astro Awani 2019). Kumpulan umur belia tersebut boleh dikategorikan kepada dua iaitu kumpulan yang berumur antara 15 hingga 25 tahun dan kumpulan yang berumur 25 ke atas. Kumpulan yang berumur 15 hingga 25 tahun rata-ratanya masih di peringkat pembelajaran pada tahap yang berbeza-beza. Berbanding dengan kumpulan belia yang berumur 25 tahun ke atas kebanyakan sudah ramai yang telah memasuki alam pekerjaan (Mohd Mahadee et.al, 2020).

Biasanya, individu yang berusia lebih daripada 30 tahun sudah berkeluarga manakala mereka yang berusia lebih daripada 35 tahun, meletakkan kerjaya di samping masa depan keluarga sebagai fokus hidup. Dalam buku Pembentukan Generasi Belia Selangor 2005: Satu Pengamatan, belia ditakrif berdasarkan peringkat umur dari 15 hingga 40 tahun. Julat umur di antara dua umur ini agak tinggi bagi memasukkan mereka dalam program pembangunan yang sama (Mohd Ismail 2005). Dalam aspek politik, golongan muda merupakan lingkungan umur 21 tahun hingga 40 tahun. Menurut Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun adalah layak sebagai pengundi. Belia seringkali dianggap sebagai aset dan pewaris negara yang akan memainkan peranan penting untuk mencorakkan bentuk, nilai dan gaya hidup masyarakat sesebuah negara pada masa akan datang.

Belia dan Pendidikan Politik

Menerusi peningkatan arus kemodenan yang dirasai di seluruh negara, ia secara langsung memberikan impak besar kepada meningkatnya tahap literasi politik atau celik politik dalam

kalangan masyarakat khususnya orsng muda. Berbanding dengan golongan yang lebih berumur yang seringkali dilihat mengamalkan ‘politik lama’ seperti tidak berani berubah dan mengenang jasa, golongan muda/belia pula dilihat sebaliknya. Mereka dilihat lebih bersifat ‘*anti establishment*’ dan dalam konteks negara ini, kumpulan tersebut adalah pembangkang. Dalam konteks dinamika politik hari ini mereka dilihat yakin bahawa undian mereka terhadap sesuatu parti politik akan memenuhi harapan dan dapat menyediakan masa depan yang cerah untuk mereka. Kesedaran meluas terhadap politik juga mampu menjadikan seseorang belia lebih kritikal. Perkara ini masih boleh diperhatikan di mana terdapat segelintir pemimpin belia atau individu belia di negara ini yang berupaya menonjolkan diri mereka sebagai seorang yang berkaliber dan dihormati.

Bagi pengundi belia, pemilihan seseorang calon wakil rakyat bukan hanya bergantung kepada faktor personaliti semata-mata, tetapi lebih melebar kepada soal latar belakang calon dan juga parti yang mereka wakili. Selain itu, trend pengundian belia juga banyak dipengaruhi soal yang berkait rapat dengan kepentingan mereka. Antaranya seperti soal kenaikan kos yang membebankan kehidupan harian, peluang pekerjaan, rumah mampu milik serta peluang pekerjaan yang kian terhad ditawarkan yang pada pandangan mereka memerlukan penyelesaian segera. Pengundi belia kini lebih matang dan lantang bersuara mengenai isu yang dihadapi mereka selain sukar untuk terpengaruh dengan sentimen politik perkauman (Yazid et.al, 2020).

Oleh sebab itu, sosialisasi belia dalam masyarakat arus perdana merupakan pelengkap kepada sistem pendidikan formal sedia ada bagi menghasilkan kematangan politik generasi belia negara. Sosialisasi memberi ruang kepada seseorang mendalami norma-norma kehidupan persekitaran sehingga berkembang menjadi satu peribadi yang unik. Malah, ia merupakan pengalaman sosial sepanjang hayat di mana seseorang membangunkan potensi mereka serta mempelajari corak budaya. Dalam konteks demokrasi, sosialisasi politik ke arah memamatkan belia dalam politik memerlukan budaya politik yang sihat dan dibentuk dalam institusi sosial seperti keluarga, parti politik, masyarakat, agama dan pendidikan.

Justeru, sosialisasi politik menjadi satu instrumen penting dalam memastikan literasi politik terlaksana. Kajian-kajian lepas menunjukkan dapatan berkaitan dengan pola politik sesuatu tempat adalah bergantung kepada sejauhmana persepsi, kefahaman dan partisipasi seseorang individu itu. Ini dinyatakan oleh Rush dan Althoff (1971) bahawa pola politik ditentukan oleh sosialiasi politik. Dengan itu, sosialisasi politik pula terdiri dalam lingkungan sosial, ekonomi dan kebudayaan selain dari interaksi pengalaman harian. Model Sosialiasi Politik oleh Rush dan Althoff turut menyenaraikan persepsi (imitasi), perihal kefahaman (intruksi) dan motivasi sebagai elemen dalam sosialisasi politik. Kajian ini disokong oleh Almond (1960) yang menegaskan bahawa gambaran mengenai pola politik bukan sekadar melibatkan persepsi semata-mata tetapi lebih mendalam lagi memastikan pemerhatian turut diberi kepada kualiti dan faktor keutuhan atau bertahannya sesebuah institusi politik atau jatuhnya sesebuah kuasa politik.

Pengaruh Media Sosial terhadap Kematangan Politik Belia

Perkembangan mutakhir politik hari ini yang bersifat semakin terbuka dilihat mempunyai perkaitan langsung dengan peranan dan pengaruh media sosial sebagai medium perantara penyebaran maklumat dan perkongsian informasi. Media sosial telah menular masuk dan menjadi agen penting penyebar maklumat dalam senario politik Malaysia bukan sahaja membawa implikasi terhadap pengekal status quo (Ali Salman & Mohd Safar 2011) tetapi turut mempengaruhi

bentuk pemikiran politik yang lebih kritis dan matang serta percambahan idea yang lebih meluas. Media sosial juga menjadi medium baru dalam memandu ke arah wujudnya transisi demokrasi, pembentuk kesedaran sivik dan arena cetusan idea masyarakat (Norazleen et. al 2011). Masyarakat umumnya termasuk golongan belia terpelajar turut menggunakan media sosial ini sebagai medium perbincangan dan perbahasan isu-isu semasa yang wujud di arena politik negara. Lahirnya budaya politik baru ini adalah suatu mekanisme kelestarian masyarakat sivil yang terus mendaulatkan demokrasi sebagai cara hidup berpolitik (Lipset & Lakin, 2004; Zaini, 2008). Senario ini juga menjadi pemangkin kepada kelestarian perkembangan politik di Malaysia.

Dalam era pembacaan digital, pencarian maklumat dan berita berkaitan politik secara dalam talian menjadi aktiviti biasa kepada rakyat terutamanya golongan belia. Kebanyakan belia pada hari ini mempunyai peralatan telekomunikasi seperti telefon pintar untuk membuat capaian internet bagi mendapat maklumat pada bila-bila masa dan di manamana sahaja. Namun begitu, penggunaan internet sebagai platform untuk mendapat maklumat memberi implikasi dalam aktiviti pencarian dan penyebaran maklumat (Abdul Rahman Shaik, 2009) kerana kredibiliti maklumat yang mungkin diperoleh daripada sumber yang meragukan.

Menurut Junaidi et al. (2012), senario politik yang memerlukan maklumat yang cepat, dan juga kelemahan media tradisional sebagai penyampai maklumat menyebabkan rakyat mula beralih kepada medium komunikasi yang baru iaitu internet dan media digital. Tambahan lagi, peningkatan pertumbuhan internet dan perkembangan pelbagai media sosial telah mentransformasi kepantasan pencarian dan penyampaian maklumat turut mendorong orang ramai untuk menggunakannya. Media sosial telah menjadi salah satu platform utama untuk rakyat mendapat maklumat yang berkaitan dengan politik sesebuah negara termasuk Malaysia. Selain itu, internet dan media sosial juga turut membuka ruang yang baru dalam pendemokrasian capaian dan penyaluran maklumat yang berkaitan dengan politik. Teknologi komunikasi sebegini bukan sahaja memberi peluang untuk mencapai maklumat tetapi juga memberikan ruang interaksi yang lebih interaktif dalam komunikasi politik (Schulz, Web & Quiring, 2005).

Dengan adanya media sosial secara tidak langsung telah berjaya mencipta satu paradigma yang baru dalam penglibatan politik. Hal ini jelas kerana media sosial telah membuka satu ruang yang baru untuk belia berinteraksi dan bertukar pandangan dengan para pemimpin sama ada berkenaan isu politik mahupun isu-isu semasa yang lain. Selain itu, para pemimpin juga dapat mendekati serta menyelami masalah-masalah yang dihadapi belia sekaligus berusaha mencari penyelesaian terhadap isu-isu yang dibangkitkan.

Penutup

Dapat disimpulkan bahawa golongan belia adalah golongan yang paling terikat dengan dunia pendigitalan sehingga dikategorikan sebagai warga digital oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Malaysia diperakui mempunyai peratusan warga digital tertinggi di dunia. Golongan belia hari ini telah lahir dan membesar pada zaman internet dan keupayaan teknologi maklumat negara sedang berkembang pesat. Belia lebih selesa dalam menggunakan media sosial berbanding media tradisional dan merupakan pengguna yang lebih arif jika dibandingkan dengan golongan yang lain. Ciri-ciri media sosial yang lebih cepat, mudah diakses, tiada batasan dan lebih terbuka merupakan antara faktor-faktor yang menarik golongan belia untuk terus menggunakannya.

Generasi muda atau belia merupakan golongan atau kelompok yang terbesar dalam masyarakat kita hari ini yang mempunyai ciri-ciri tingkah laku dan budaya yang tertentu.

Kepimpinan negara pada masa hadapan adalah bergantung kepada golongan muda pada masa kini. Mereka ini adalah merupakan golongan yang akan menentukan jatuh atau banggunya parti politik dan pimpinan di negara ini. Maka, kematangan politik, penglibatan dan penyertaan mereka dalam politik amat diperlukan. Kita harus percaya bahawa sistem dan budaya merupakan titik tolak utama untuk menjadikan warganegara Malaysia lebih matang dan sejahtera.

Rujukan

- Alam, G.M. (2003). *The Impact of Students' Involvement in Party Politics on Higher Education in National Development in Bangladesh*. Missouri, USA: The International University Press.
- Azizan Bahari. (1995). *Pergerakan Belia: Persoalan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Carol A. Cassel & Celia C. Lo, (1997) *Theories of Political Literacy: Political Behavior*. USA: Springer.
- Howard, P. N. & Park, M. R. (2012). Social Media and Political Change: Capacity, Constraint and Consequence. *Journal of Communication*, 62 (2), 359-362.
- Joseph, S. (2012). Social Media, Political Change and Human Rights. *Boston College International & Comparative Law Review*, 35 (1), 145-188.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Jeniri Amir, Novel Lyndon, Rosmadi Fauzi & Yahaya Ibrahim. (2012). Persepsi Politik Pengundi Belia Melayu Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu* Jil. 9: 191-214.
- Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Abdul Halim Sidek & Khaidzir Hj. Ismail. (2009). Minat, Aspirasi dan Sokongan Politik Belia IPT Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 1(6): 99-116.
- Mohd Mahadee Ismail, Azlina Abdullah, Nor Azlili Hassan dan Mohd Sabri Md Nor. (2020). Perkembangan Politik Era Malaysia Baharu: Pandangan Eksklusif Belia Terpelajar. *Akademika 90*(Isu Khas 1/Special Issue): 161- 174.
- Mohd Uzaini Mohamad Sani & Suhana Saad. (2018). Pelaksanaan dan Cabaran Penglibatan Belia dalam Parlimen Belia Malaysia. *E-Bangi*. Vol. 13, No. 1: 1-17
- Mondak, J.J., Halperin, K.D. (2008). A Framework for the Study of Personality and Political Behaviour. *British Journal of Political Science*. 38(2): 335-362.
- Siti Shariyah Shaari, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali (2007). Analisis Keberkesanan Subjek Hubungan Etnik sebagai pencetus literasi politik: Kajian ke atas Mahasiswa UNIKL MIIT. *E-Bangi*. Special Issue 2 (2017): 26-33.
- Tristan M. C. (2006). Approaching the Political in Citizenship Education: The Perspectives of Paulo Friere and Benard Crick. *Educate*. 6(1) 2006: 57-70. Diambil dari <http://www.educatejournal.org/>
- Yazid Saleh, Siti Noranizahhafizah Boyman, Hanifah Mahat, Mohmadisa Hashim, Nasir Nayan Saiyidatina Balkhis Norkhaidi, Samsudin Suhaili.2020. Pola sokongan pengundi muda

sebelum Pilihan Raya Umum ke 14 di Malaysia. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 16 issue 1. 80-94.

**KEBERKESANAN KAEDAH PERMAINAN DALAM SUBJEK PRINSIP
PERAKAUNAN DI PUSAT MATRIKULASI, KOLEJ UNIVERSITI ISLAM
ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)**

Nur Fadhlina binti Mohamad Zabidey
nurfadhlina@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Subjek Prinsip Perakaunan adalah salah satu subjek teras yang ditawarkan kepada pelajar program Asasi Pengurusan di KUIS. Subjek Prinsip Perakaunan ditawarkan pada semester 1 pengajian dimana pelajar program Asasi Pengurusan wajib lulus subjek tersebut bagi melayakkan mereka menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda. Perakaunan merupakan proses merekod urus niaga kewangan yang berlaku dalam organisasi perniagaan secara sistematik. Ini termasuk prestasi perniagaan, kedudukan kewangan, perancangan dan analisis kewangan dimana ianya memerlukan pemahaman teori-teori asas dan ketelitian yang tinggi. Pelajar perlu memahami dan menguasai teori-teori asas perakaunan seperti klasifikasi perakaunan, persamaan perakaunan dan catatan bergu (debit dan kredit) untuk mereka melengkapkan proses perakaunan tersebut. Ketidakkampuan pelajar dalam menguasai teori-teori asas perakaunan akan menyebabkan akaun, imbalan duga dan penyata kewangan tidak seimbang. Kaedah pembelajaran tradisional didapati kurang membantu pelajar dalam meningkatkan tahap pemahaman dalam menguasai teori-teori asas perakaunan. Hal ini kerana berlakunya perkembangan teknologi terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi generasi kini. Justeru, pengkaji ingin melihat keberkesanan satu kaedah permainan yang dikenali sebagai *Accounting on the Block* (AOTB) terhadap tahap pemahaman dan penguasaan pelajar Asasi Pengurusan bagi teori-teori asas perakaunan. Kajian ini dijalankan secara eksperimental melibatkan kesemua 41 orang pelajar Asasi Pengurusan semester 1 sebagai responden. Ujian sebelum dan selepas permainan akan dilakukan bagi menilai kesan permainan AOTB ke atas pencapaian skor pelajar.

Kata kunci: *kaedah permainan dalam pembelajaran, tahap penguasaan pelajar dalam subjek Perakaunan, perkembangan kaedah pembelajaran, Prinsip Perakaunan dan AOBT.*

Pengenalan

Subjek Prinsip Perakaunan merupakan salah satu subjek teras yang ditawarkan kepada pelajar Asasi Pengurusan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Pelajar menganggap bahawa Prinsip Perakaunan merupakan subjek yang sukar di samping rata-rata pelajar Asasi Pengurusan tidak mempunyai latar belakang perakaunan semasa di peringkat sekolah menengah. Kurangnya minat terhadap subjek ini menambahkan lagi kerisauan dan kebimbangan pelajar terhadap tahap penguasaan subjek perakaunan. Subjek perakaunan antara subjek yang agak mencabar memandangkan pelajar perlu memahami dan menguasai teori-teori asas perakaunan seperti klasifikasi perakaunan, persamaan perakaunan dan catatan bergu (debit dan kredit). Kegagalan memahami konsep catatan debit dan kredit boleh menyebabkan pelajar lebih cenderung untuk menghafal dan sukar memahami topik-topik yang berikutnya.

Kaedah pengajaran secara konvensional seperti penggunaan papan putih, *marker* dan buku rujukan masih dipraktikkan oleh tenaga pengajar di Pusat Matrikulasi KUIS. Hasil pemerhatian, proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi subjek Prinsip Perakaunan kurang berkesan kerana masih mengekalkan kaedah konvensional. Oleh itu penyelidik menggunakan kaedah permainan yang dikenali sebagai *Accounting on the Block* (AOTB) sebagai tambahan kepada kaedah konvensional. Kebanyakan kajian lalu mengkaji penggunaan kaedah permainan dalam subjek-subjek lain seperti subjek Matematik, Bahasa Arab, Bahasa Melayu dan Pendidikan Islam. Hasil kajian-kajian tersebut membuktikan bahawa kaedah permainan dapat membantu tahap pemahaman dan penguasaan pelajar terhadap subjek-subjek tersebut. Selain itu, kaedah permainan juga mampu menarik minat dan semangat pelajar supaya pelajar tidak bosan sepanjang proses pembelajaran dijalankan.

Kajian Lepas

2.1 Subjek Prinsip Perakaunan

Dalam disiplin perakaunan, kandungan pembelajaran kebiasaannya dan masih disampaikan melalui "*chalk and talk*" di dalam kelas (Becker & Watts, 2011). Kaedah konvensional ini tidak membangunkan keperluan interpersonal, analitik dan kemahiran kreatif seiring dengan pengetahuan baharu ekonomi dan perakaunan (Davis, 2011). Menurut (Davis, 2011) lagi, bagi melahirkan profesional dan pengurus bagi masa depan, kita memerlukan perubahan suasana pembelajaran. Strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam kurikulum perlu diberi penekanan sejajar dengan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang melaksanakan Transformasi Pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Kebanyakan pelajar belajar dengan berkesan melalui pengalaman peribadi, aktiviti *hands-on* dan peluang untuk penemuan sendiri (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2013).

Tuan Hamka dan Prof. Abdul Kahar Muzakar merupakan dua orang ulama yang terkenal di Indonesia dan Tanah Melayu. Mereka kuat mengatakan agama Islam lebih dahulu sampai ke Terengganu daripada lain-lain negeri di Tanah Melayu, sehingga mereka menggelarkan negeri Terengganu itu sebagai “Serambi Makkah”.

Terengganu juga mempunyai sejarah penyebaran agama Islam dari Tanah Arab kerana menjadi pelabuhan dan persinggahan pedagang asing, terutamanya saudagar Arab dan Parsi yang sama tarikhnya dengan kawasan pantai barat Tanah Melayu. Ia bermula sejak tahun 717M apabila khalifah Sulayman Bin Abd Malik menghantar angkatan tentera ke China yang menyebabkan proses penyebaran Islam telah berkembang. Di antara bukti kedatangan Islam adalah wujudnya beberapa artifak yang khusus seperti kitab agama, masjid tertua, institusi pendidikan agama Islam seperti pondok, kubur ulamak dan pengaruh pemikiran Islam dalam masyarakat di kawasan pantai Timur seperti Terengganu dan Kelantan.

vi. Kaum Melayu di Perlis

Perlis ialah sebuah negeri yang terletak bersempadan dengan sebuah negara asing di utaranya iaitu Thailand dan bersebelahan negeri Kedah. Menelusuri sejarahnya secara ringkas, negeri Perlis dahulunya merupakan sebahagian daripada negeri Kedah. Kedah ketika tahun 1771 hingga 1821 pula telah berperang dengan Siam. Setelah berlaku pergolakan dalaman dan luaran, Perlis akhirnya berpisah dengan Kedah dan memilih untuk berpihak kepada kerajaan Maharaja Siam. Akhirnya, Perlis mendapat pemerintah baru yang telah dilantik oleh Maharaja Siam selepas tahun 1839 (Mohammad Isa Othman 1990).

Menjelang abad ke-18, Kuala Sungai Perlis ataupun Kuala Perlis telah muncul sebagai pusat perdagangan yang penting di Kedah. Pada tahun 1839 atau mendekati tempoh akhir Peperangan Kedah-Siam, Perlis telah diperintah oleh seorang bangsawan Siam yang dikenali oleh orang Melayu sebagai Raja Long Krok. Untuk membantu Raja Long Krok, pentadbiran Bangkok telah menugaskan Penghulu Arau iaitu Syed Hussein Jamalullail sebagai timbalan. Apabila Raja Long Krok meninggal dunia, Syed Hussein Jamalullail dan anak-cucu baginda telah dikurniakan mandat untuk memerintah Perlis sehingga ke hari ini (Ahmad & Yazid, 1992).

Melihat kepada kedudukan geografinya yang unik ini turut memberikan impak kepada dialek Melayu yang dituturkan oleh penutur natif di Perlis. Berdasarkan pemerhatian awal,

subdialek Perlis masih digunakan dalam sebahagian kecil penduduk di Perlis (Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Noriati Muhamad 2017).

Dialek Melayu Kedah pula masih kuat berpengaruh di samping wujudnya unsur-unsur asimilasi daripada masyarakat Siam yang menetap di Perlis. Perkataan pinjaman dalam bahasa Arab ini dilihat dalam bahasa Melayu mempunyai kaitan rapat dengan agama Islam yang menjadi pegangan majoriti masyarakat Melayu. Bangsa Melayu dilihat amat sinonim dengan Islam termasuk dalam aspek bahasa. Manakala Islam amat sinonim dengan bahasa Arab yang merupakan bahasa pilihan bagi menyampaikan isi kandungan al-Quran.

Kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu sekitar abad ke-13 dan ke-14 telah membawa pengaruh yang cukup besar dalam semua aspek kehidupan masyarakat Melayu. Pengaruh Islam bukan sahaja telah mengubah kepercayaan dan agama asal masyarakat, tetapi turut memberikan kesan terhadap bahasa, budaya dan sastera.

Walaupun bagaimanapun, pengaruh Islam terhadap bahasa mendominasi aspek lain, khususnya yang berkaitan dengan kosa kata. Malahan perkataan yang dipinjam ini juga telah berfungsi melambangkan warisan budaya masyarakat Melayu kerana di dalamnya terdapat hal yang berkaitan dengan agama, adat, perayaan, undang-undang, dan sebagainya. Antara contoh kata pinjaman dalam bahasa Arab yang digunakan oleh penutur asli Perlis dalam aspek keagamaan dan ibadah ialah *sahur*, *kafir* dan *taqdir*.

KAEDAH MEMBACA PERKATAAN ARAB

Perkataan Arab yang terdapat di dalam artikel ini boleh dibaca menggunakan kaedah transliterasi mengikut sistem Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) seperti jadual di bawah.

Jadual 1 Simbol transliterasi

Simbol	Sebutan	Makna
ā	aaa	Bacaan Panjang 2 saat
ū	uuu	Bacaan Panjang 2 saat
ī	iii	Bacaan Panjang 2 saat
ṣ		
ṭ		
‘ (koma ke kanan)	‘a (<i>‘alim</i>) bacaan dari dalam tenggorok	Membezakan bunyi yang bermula dengan huruf alif atau ain.
’ (koma ke kiri)	’I (<i>’Ibn</i>)	Membezakan ejaan perkataan Arab yang bermula dengan huruf ain atau perkataan bahasa

		Melayu yang bermula dengan huruf i.
--	--	-------------------------------------

Sumber: Saini Ag Damit.(2012). *Asas Bahasa Arab 1*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.

Kesemua perkataan Arab yang terdapat di dalam artikel ini dirujuk daripada Kamus *al-Ma'āniyy online* dan Kamus *al-Mawrid*, *Mu'jam Al-'Arabiyy Al-Asāsiyy*, *Kamus Dewan Edisi Keempat*, *Oxford Students* serta *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. Perkataan daripada setiap dialek dan loghat tempatan diklasifikasikan mengikut beberapa tema. Tema pertama adalah “Ibadah dan keagamaan”, Tema kedua adalah “*nama-nama orang*” dan tema ketiga adalah *tema umum*”.

Marilah kita telusuri perkataan Arab yang digunakan dalam bahasa peribumi beberapa suku kaum di Sabah iaitu suku kaum Bajau, Kadazandusun dan Brunei. Manakala perkataan bahasa Arab yang digunakan dalam loghat tempatan Semenanjung adalah dari negeri Pulau Pinang, Perlis, Kedah dan Terengganu.

1. Perkataan Arab dalam dialek suku kaum Bajau, Sabah.

i. Ibadah dan Keagamaan

Jadual 1.1 Perkataan dalam dialek suku kaum Bajau bagi tema ibadah dan keagamaan.

Perkataan Arab	Digunakan dalam dialek Bajau	Makna
<i>Du'a</i>	Duah	Doa
<i>ruknu</i>	Rukun sembiang	Rukun sembahyang
<i>Sadaqah</i>	Sedaka/keparat	Sedekah
<i>Balā'</i>	Bala/sial	Bala'
<i>Ramadan</i>	Ramlan	Ramadan
<i>Syawāl</i>	Sawal	Syawal
<i>Rajab</i>	Rajab	Rejab
<i>Sya'bān</i>	Saban	Sya'ban
<i>Istigfar</i>	Setagafar	Istigfar/memohon ampun
<i>Akhirah</i>	Mairat	Akhirat
<i>Alḥamdulillah</i>	Alhamdulillah	alhamdulillah
<i>Ḥarām</i>	Aram	Haram

<i>Halāl</i>	Alal	Halal
<i>Barakah</i>	Berkat/barakah	Berkat
<i>Maghrib</i>	Magarib	Magrib

ii. Nama Orang

Jadual 1.3 Antara perkataan dalam dialek suku kaum Bajau bagi tema nama orang.

Perkataan Arab	Digunakan dalam dialek Bajau	Makna
<i>Lin</i>	Halina	Lembut
<i>Afini</i>	Afini	Ampunkan aku
<i>Taufiq</i>	Taufeck	Kejayaan
<i>Anwar</i>	Anwari	Cahaya-cahaya

iii. Umum

Jadual 1.2 Antara perkataan dalam dialek suku kaum Bajau bagi tema umum.

Perkataan Arab	Digunakan dalam dialek Bajau	Makna
<i>Sabbaba</i>	Sabab	Sebab (Bajau Pantai Timur)
<i>Min</i>	Min	Dari (Bajau Pantai Timur)
<i>Dunya</i>	Junya	Dunia

2. Perkataan Arab dalam dialek suku kaum Kadazandusun Tuaran, Sabah.

i. Ibadah dan Keagamaan

Jadual 2.1 Antara perkataan dalam dialek suku kaum Kadazandusun bagi tema ibadah dan keagamaan.

Perkataan Arab	Digunakan dalam dialek Kadazandusun	Makna
<i>Masjid</i>	<i>Mosogid</i>	masjid
<i>'Adah</i>	<i>Tadat</i>	Adat
<i>Wudhu'</i>	<i>Wudhu'</i>	Wudhu'
<i>Malaikah</i>	<i>Moloikat</i>	Malaikat

ii. Nama Orang.

Jadual 2.3 Antara perkataan dalam dialek suku kaum Kadazandusun bagi tema nama orang.

Perkataan Arab	Digunakan dalam dialek Kadazandusun	Makna
<i>Aminah</i>	Minah	Yang jujur
<i>Nur</i>	Bermula dengan 'Nor'	Cahaya
<i>'Ariffin</i>	Ariffin	Yang mengetahui
<i>Watiy</i>	Berakhir dengan 'Wati'	Yang disukai

3. Perkataan Arab dalam dialek suku kaum Brunei di Kota Klias, Beaufort, Sabah.

i. Ibadah dan Keagamaan.

Jadual 3.1 Perkataan dalam dialek suku kaum Brunei bagi tema ibadah dan keagamaan.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Dialek brunei	Makna
<i>Akhirah</i>	Akirat	Akhirat
<i>Dunya</i>	Dunia	<i>Dunia</i>
<i>Masjid</i>	Masjid	masjid
<i>Sajadah</i>	Sajada	Tempat Sujud
<i>Kūfiyyah</i>	Kupia'	Kopiah/Ketayap

<i>Sadaqah</i>	Sadaka	Sedekah
<i>Du'a</i>	Du-a	Doa
<i>Istigfar</i>	astagapar	Memohon ampun
<i>Solawat</i>	Salawat	Selawat
<i>Alḥamdulillah</i>	Ala'amdulila	Alhamdulillah
<i>Ḥalāl</i>	Alal	Halal
<i>Muqaddam</i>	Alip-Alip	Muqaddam
<i>Allah</i>	Olo	Allah
<i>'Āmil</i>	Amil	Amil (Pengutip Zakat)
<i>Ḥarām</i>	Aram	Haram
<i>Balā'</i>	Bala'	Bala
<i>Barakah</i>	Barakat	Berkat
<i>Ḥarām</i>	Aram	Haram
<i>'Imām</i>	Imam	Imam
<i>'Islām</i>	Islam	Islam
<i>Zakātul Fitrah</i>	Jakat Pitra	Zakat Fitrah
<i>Jamā'ah</i>	Bejamaa	Jemaah
<i>Kafir</i>	Kapir	Kafir
<i>Qiblat</i>	Kiblat	Qiblat
<i>Maghrib</i>	Magarib	Maghrib
<i>Malā'ikah</i>	Malaikat	Malaikat
<i>Murtad</i>	Murtad	Murtad
<i>Muḥammad</i>	Muammad	Muhammad
<i>Al-Qur 'ān</i>	Kur an	Al-Qur an
<i>Kitāb</i>	Kitab	Al-Qur an
<i>Sūrah</i>	Suro	Surah
<i>Ṣubḥ</i>	Subu	Subuh
<i>Syukr</i>	Sukur	Syukur
<i>Sunnah</i>	Sunat	Sunat
<i>Tahlīl</i>	Talil	Tahlil
<i>Taubah</i>	Taubat	Taubat
<i>Warith</i>	Waris	Waris
<i>Yā Rabbiyy</i>	Ya Robbi	Ya Tuhanku
<i>Yā Allah</i>	Ya Olo	Ya Allah
<i>Wakt Zuhr</i>	Waktu Ju'ur	Waktu Zuhur
<i>Wakt 'Aṣr</i>	Waktu Asar	Waktu Asar
<i>Tablīgh</i>	Tablig	Jemaah tabligh/menyampaikan/mengajar sembahyang

<i>Ustāzah</i>	Ustaja	Ustazah/ guru perempuan
<i>Ustāz</i>	Ustad	Ustaz/ guru lelaki
<i>Hājah</i>	Ajah	Hajah
<i>Khuṭbah</i>	Kutba	Khutbah
<i>Qadiyy</i>	Kadi	Kadi
<i>Qiās</i>	Kias	Kias/Timbangan
<i>Ta'ajjub</i>	Takjub	Takjub
<i>Dalīl</i>	Dalil	Bukti
<i>Raka'ah</i>	Rakaat	Rakaat
<i>Farḍ</i>	Pardu	Fardu
<i>Niyyah</i>	Niat	Niat
<i>Muḥarram</i>	Muarram	Muharram
<i>Ṣafar</i>	Sapar	Safar
<i>Rajab</i>	Rajab	Rejab
<i>Sya'bān</i>	Sa'ban	Sya'ban
<i>Syawāl</i>	Sawal	Syawal
<i>Wāliyy</i>	Wali	Wali

ii. Umum.

Jadual 3.2 Perkataan dalam dialek suku kaum Brunei bagi tema kategori Umum.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Dialek brunei	Makna
<i>'Amānah</i>	Amana	Amanah
<i>'Ilm</i>	Ilmu	Ilmu
<i>Wakt</i>	Waktu	Waktu
<i>'Ālam</i>	Alam	Alam
<i>Fikrun</i>	Pikir	Fikir
<i>Būlis/ Shurṭatiyy</i>	Pulis	Polis
<i>'Isyārah</i>	Isarat	Petunjuk
<i>Tilifīzyūn</i>	Tibi	Televisyen
<i>Tilifūn</i>	Talipaun	Telefon
<i>Rādiyyū</i>	Radiu	Radio
<i>Ghās</i>	Gis	Gas
<i>Balastīk</i>	Plastik	<i>Plastic</i>
<i>Balūn</i>	Bilun	Belon
<i>Ṣabūn</i>	Sabun	Sabun
<i>Shāmbū</i>	Sampu	Syampu

<i>Taksiyy / Sayyāratul Ujrah</i>	Tiksi	Teksi
<i>Ṣabr</i>	Sabar	Sabar
<i>'Awwal</i>	Awal	Awal
<i>Qamūs</i>	Kamus	Kamus
<i>Hurūf</i>	Urup	Huruf
<i>Ṣifah</i>	Sipat	Sifat
<i>Jamā'</i>	Jama'	Jamak/Banyak
<i>Kalīmah</i>	Kalima	Kalimah
<i>Zamān</i>	Jaman	Zaman/Masa
<i>Majallah</i>	Majala	Majalah
<i>'Istirāḥah</i>	Ri'at	Berehat
<i>Jin</i>	Giin	Jin
<i>Miskīn</i>	Miskin	Miskin

iii. Nama Orang.

Jadual 3.3 Perkataan dalam dialek suku kaum Brunei bagi tema kategori nama orang.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Batrīshah</i>	Batrisyah	Cerdik/ pintar
<i>Lin</i>	Liana	Lembut
<i>Al-Razi</i>	Razi	Nama tokoh Islam
<i>Shafawiy</i>	Shapawi	Berkata-kata
<i>Soleh</i>	Salleh	Soleh
<i>Sulayman</i>	Sulaiman	Nabi Sulaiman
<i>Latif</i>	Latif	Lembut
<i>Qayyum</i>	Qayyum	Selamanya
<i>Yaasin</i>	Yasin	Nama surah
<i>Hafizah</i>	Hafizah	Penjaga
<i>Basir</i>	Basir	Melihat
<i>Batrīshah</i>	Batrisyah	Cerdik/ pintar

4. Perkataan Arab dalam loghat kaum Melayu Kedah.

i. Ibadah dan Keagamaan.

Jadual 4.1 Perkataan dalam loghat Kedah bagi tema kategori ibadah dan keagamaan.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Baligh</i>	Baliyaq	Baligh
<i>Şabr</i>	Sabaq	Sabar
<i>Ikhlas</i>	Ikhlah	Ikhlas
<i>Khianah</i>	Keynat	Khianat
<i>Ustaz</i>	Ustat	Ustaz
<i>Kafir</i>	Kapiaq	Kafir
<i>Taubah</i>	Tobat	Taubat
<i>Batal</i>	Batai	Batal
<i>Masjid</i>	Semejid	Masjid

ii. Umum

Jadual 4.2 Perkataan dalam loghat Kedah bagi tema kategori umum.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Qudrah</i>	Qedeghat	Qudrat
<i>Fikr</i>	Pikiaq	Fikir
<i>Qubr</i>	Kubuq	Kubur
<i>'Aql</i>	Akai	Akal
<i>Qamus</i>	Kamuiah	Kamus
<i>Kirtis</i>	Qhertaih	Kertas

<i>Fahm</i>	Paham	Faham
<i>Sirwal</i>	Seluaq	Seluar
<i>Ikhtiar</i>	Ghetiaq	Ikhtiar
<i>Khabr</i>	Habaq	Khabar

iii. Nama Orang.

Jadual 4.3 Perkataan dalam loghat Kedah bagi tema kategori nama orang.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
Nur al-‘Aishah	Siti Nurul Aisyah	Nama Isteri Rasulullah
Abdul	Abdul	Hamba
Hamid	Hamid	Yang dipercayai
Nur ‘Asyhiqin	Noor Asyikin	Cahaya Kerinduan
Nur al-Jannah	Nurul Jannah	Cahaya Syurga

5. Perkataan Arab dalam loghat kaum Melayu Terengganu.

i. Ibadah dan Keagamaan.

Jadual 5.1 Perkataan dalam loghat Terengganu bagi tema kategori ibadah dan keagamaan.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Nisf</i>	Sepu	Nisfu
<i>Masjid</i>	Sejid/Mejid	Masjid
<i>‘Isya’</i>	Ise	Isyak
<i>warith</i>	Woghih	Waris
<i>‘Amal</i>	Amalang	Amalan
<i>Magrib</i>	Gaghik	Maghrib
<i>Imam</i>	Imang	Iman
<i>Al-Quran</i>	Qurang	Quran
<i>Wajib</i>	Wajik	Wajib

ii. Umum

Jadual 5.2 Perkataan dalam loghat Terengganu bagi tema kategori umum.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Fahm</i>	Pahang	Faham
<i>Ithnain</i>	Isna/Isning	Isnin
<i>Mashur</i>	Sohor	Masyhur
<i>Jin</i>	Jing	Jin
<i>Qarabah</i>	Khabak	Kerabat
<i>Su'al</i>	Soalang	Soalan
<i>Zaman</i>	Zamang	Zaman
<i>Badan</i>	Badang	Badan
<i>Kursiy</i>	Kusi	Kerusi
<i>Akhir</i>	Akhirang	Akhiran
<i>Awwal</i>	Awalang	Awalan
<i>Fa'idah</i>	Pekdoh	Faedah
<i>Sabr</i>	Sabo	Sabar
<i>Fikr</i>	Mikir	Fikir
<i>Jins</i>	Jenih	Jenis
<i>Khabr</i>	Kabo	Khabar
<i>'Aman</i>	Amang	Aman
<i>Yaqin</i>	Yaking	Yakin
<i>Musafir</i>	Musapir	Musafir

ii. Nama Orang.

Jadual 5.3 Perkataan dalam loghat Terengganu bagi tema kategori nama orang.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Fatimah</i>	Tengku Muliana Fatimah	Nama anak Rasulullah
<i>Solihin</i>	Syed Solihin	Saleh
<i>Amir Musyidiy</i>	Amir Mursyidi	Ketua
Na'eimah Farhanah	Na'eimah Farhanah	Yang lemah lembut dan gembira
<i>Fatin Mawaddah</i>	Fatin Mawaddah	Yang bijak dan penuh rasa sayang

<i>Rifqi Mustaqim</i>	Rifqi Mustaqim	Sahabat yang lurus
<i>Muhammad Khilal</i>	Muhammad Khilal	Masa
<i>Ishraq</i>	Isyraq	Cahaya terang

6. Perkataan Arab dalam loghat kaum Melayu Pulau Pinang.

i. Ibadah dan Keagamaan.

Jadual 6.1 Perkataan dalam loghat Pulau Pinang bagi tema kategori ibadah dan keagamaan. .

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Haram</i>	<i>Haram</i>	<i>Haram</i>
<i>Kitab</i>	<i>Qitab</i>	<i>Kitab</i>
<i>Kufr</i>	<i>Kapiaq</i>	<i>Kafir</i>
<i>Qadr</i>	<i>Taqdir</i>	<i>Takdir</i>
<i>Batal</i>	<i>Batai</i>	<i>Batal</i>

ii. Umum.

Jadual 6.2 Perkataan dalam loghat Pulau Pinang bagi tema kategori umum.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Fikr</i>	<i>Piqiaq</i>	<i>Fikir</i>
<i>Ikhtibar</i>	<i>Iktibaq</i>	<i>Ikhtibar</i>
<i>Kufiah</i>	<i>kopiah</i>	<i>Kopiah</i>

iii. Nama Orang.

Jadual 6.1 Perkataan dalam loghat Pulau Pinang bagi tema kategori nama orang .

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Ulamak</i>	<i>Ulamaq</i>	Ulama
<i>Warith</i>	<i>Warih</i>	Waris

<i>Nur al-Nazirah</i>	<i>Nurul Nazirah</i>	Cahaya Ketua
<i>Hamzah</i>	<i>Hamzah</i>	Tokoh Islam
<i>Nur Hazliyna</i>	<i>Noor Hazleena</i>	Kreatif
<i>Hazliy</i>	<i>Hazlee</i>	Yang Lucu

6. Perkataan Arab dalam loghat kaum Melayu Perlis.

i. Ibadah dan Keagamaan.

Jadual 7.1 Antara perkataan dalam loghat Perlis bagi tema kategori ibadah dan keagamaan.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Kufr</i>	Kapiaq	Kafir
<i>Qadr</i>	Taxde	Taqdir
<i>'Aurah</i>	Oghat	Aurat
<i>'ikhlas</i>	Ikhlah	Ikhlas

ii. Umum.

Jadual 7.2 Perkataan dalam loghat Perlis bagi tema kategori umum.

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>'Awwal</i>	awai	Awal
<i>Ka/Ki</i>	ka	Ka (kamu merujuk dhamir kamu dalam Bahasa Arab)
<i>'Asl</i>	asai	Asal
<i>Fahm</i>	Paham	Faham
<i>Fikr</i>	Pikiaf	Fikir
<i>'Ikhlas</i>	ikhlah	Ikhlas
<i>Ithnain</i>	Senayain	Isnin

Selain dari aspek keagamaan dan nama perseorangan, pengaruh Bahasa Arab dalam perkataan seharian juga telah banyak digunapakai dalam kehidupan seharian samada secara sedar atau tidak. Antara contoh-contoh perkataan tersebut adalah;

iii. Nama Orang.

Jadual 7.3 Perkataan dalam loghat Perlis bagi tema kategori nama orang .

Sebutan Arab	Digunakan dalam Perbualan Harian	Makna
<i>Sayyid Hussin Jamalullail</i>	Raja Syed Hussain Jamalullail	Tuan – Nama cucu Rasulullah dan Keindahan Malam
<i>Sayyid Ahmad Jamalullail</i>	Raja Syed Ahmad Jamalullail	Tuan yang sangat dipercayai dan Keindahan Malam
<i>Sayyid Saffiy Jamalullail</i>	Raja Syed Saffi Jamalullail	Tuan yang paling lembut dan Keindahan Malam
<i>Sayyid Alwi Jamalullail</i>	Raja Syed Alwi Jamalullail	Tuan yang tinggi dan Keindahan Malam
<i>Sayyid Hamzah Jamalullail</i>	Raja Syed Hamzah Jamalullail	Tuan yang berkuasa dan Keindahan Malam
<i>Sayyid Jamalullail</i>	Tuanku Syed Putra Jamalullail	Tuan dan Keindahan Malam
<i>Sayyid Sirajuddin Jamalullail</i>	Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail	Tuan cahaya agama dan Keindahan Malam

Pengaruh Bahasa Arab juga dapat dilihat dengan jelas pada nama seseorang. Takta senarai Raja Perlis sendiri menggambarkan terdapatnya unsur pengaruh Bahasa Arab.

Kesimpulan

Pengaruh penggunaan ataupun serapan perkataan bahasa Arab kepada pelbagai bahasa di dunia bukanlah perkara asing lagi. Bahasa Arab juga telah mula berakar umbi ketika kedatangan ramai pedagang di Malaysia atau Tanah Melayu ketika itu. Terdapat banyak perkataan bahasa Arab yang diserap masuk ke dalam bahasa peribumi mahupun loghat tempatan terutamanya perkataan yang berkaitan dengan ibadah dan agama Islam serta nama-nama orang. Namun, serapan bahasa Arab ke dalam beberapa dialek di Sabah dan loghat tempatan di Malaysia masih kurang didokumentasikan. Sabah adalah salah sebuah negeri di dalam Malaysia yang begitu unik kerana kaya bukan hanya dengan hasil buminya tetapi juga kepelbagaian suku kaum yang berbeza bahasa peribumi sehingga mempunyai 80 lebih dialek, perbezaan agama dan budaya. Ini merupakan sebahagian kecil daripada usaha kami untuk mendokumentasikan bahasa Arab yang digunakan dalam bahasa peribumi Sabah dan loghat tempatan. Perkataan serapan bahasa Arab ini mempunyai sebutan yang hampir sama dan makna yang serupa. Perkataan serapan yang digunakan ini telah

lama disedari terutamanya ketika menyertai masyarakat tempatan berbual dalam dialek serta loghat mereka yang tersendiri. Dari sanalah timbul keinginan untuk melaksanakan kajian ini dan mengembangkannya daripada satu dialek kepada dialek yang lain sehinggalah kepada loghat tempatan pula. Semoga dengan kajian ini menarik minat lebih ramai lagi pengkaji bahasa Arab untuk mengkaji kata serapan ke dalam bahasa peribumi Sabah, Sarawak dan loghat tempatan Semenanjung Malaysia.

Rujukan

- Abd Hadi Borham, Wahyu Hidayat Abdullah, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim. (2021). *Metod Dakwah dalam Pengislaman di Sabah (Sebelum Era Penguasaan British Crown Colony. Jurnal Usuluddin 49 (1) 2021, 1-26.*
- Adnan Jusoh. (2016). Zaman Pra-Islam di Kedah Berdasarkan Bukti Arkeologi. *Jurnal Perspektif* 106-117.
- Ahmad Ismail & Yazid Mat (1992), Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat. Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis (PPANPs).
- Ainur Syakirah Muhd Hissam & Zuliana Zubir, 2022, *Variasi Kata Pinjaman Bahasa Arab Dalam Dialek Melayu Perlis: Analisis Geolinguistik*, 594-607.
- Ainur Syakirah Muhd Hissam & Zuliana Zubir. 2022. Variasi kata pinjaman bahasa arab dalam dialek melayu perlis: analisis geolinguistik. (eISSN 2811-4051)
- Aminah binti Awang Basar. (2020). *e Borneo Gedung Khazanah Bangsa*. Dimuat turun daripada <http://eborneo.dbp.gov.my/sabah.html>
- Dayu Sansalu (2014) Persamaan dan perbezaan sebutan dan makna dalam pelbagai dialek bahasa Kadazandusun. *Jurnal Procedia - Social and Behavioral Sciences 134 (2014), 446 – 453.*
- Ehala, M. (2010). *Ethnolinguistic vitality and intergroup processes*. *Multilingua*, 29, 203– 221.
- Eva De Belle (t.th). *Etnik Kadazandusun*. Dimuat turun daripada https://www.academia.edu/36025501/ETNIK_KADAZANDUSUN
- Eva De Belle. (t.th). *Etnik Kadazandusun*. Dimuat turun daripada https://www.academia.edu/36025501/ETNIK_KADAZANDUSUN
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Noriati Muhamad. 2017. Kata soal dalam Dialek Perlis. *Jurnal Akademika 87(1): 177-187.*
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Siti Amanina Sahira Saidi. (2021). *Kajian Frasa Kerja Bahasa Bajau Darat Dan Bajau Laut Di Sabah: Analisis Kerangka Minimalis*. *Jurnal Bahasa*, 21(2), 163–192.
<https://www.almaany.com>
- Ibtisam Abdullah, Imran Ho. (2018). *Kata Pinjaman Arab Dalam Bahasa Melayu Analisis Kajian Dari Sudut Perubahan Morfologi*. *Journal of science and huminities. vol (13) (2018), 043-050.*
- Kamus Bahasa Kadazandusun online Globes. Dimuat turun daripada <https://ms.glosbe.com/dtp/ms>
Kamus Bergambar Generasi Baharu. Shah Alam: Oxford Fajar.

- Kamus Dewan*. Edisi Keempat. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah. (2022). Dimuat turun daripada
<https://www.sabah.gov.my/cms/?q=ms/content/rakyat-sejarah>
- Mohammad Isa Othman. 1990. Politik tradisional Kedah 1681-1942. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nor Azan Bin Abdullah, Saini Bin Ag. Damit (2018) *Leksis Periferal Indo -Arabo - Euro Dalam Pengantarabangsaan Bahasa Melayu di Alam Nusantara*. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* (2018), 274-286.
- My Government Maklumat Malaysia. (2017). Dimuat turun daripada
<https://www.malaysia.gov.my/portal/content/142?language=my>
- Noor Rohana Mansor dan Noraien Mansor dan Normaliza Abd Rahim. (2013). *Dialek melayu Terengganu: pendokumentasian dan pengekalan warisan variasi bahasa tempatan*. *Jurnal Melayu* (1), 21-35.
- Noriah Mohamed (et. al), 2006, *Sejarah Awal Pulau Pinang*, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang.
- Normila Noruddin, Nik Murshidah, Raja Hazirah. (2014). Pengaruh Bahasa Ibunda Terhadap Pembinaan Struktur Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Unisza. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014. Dimuat turun daripada
https://www.researchgate.net/publication/301887170_PENGARUH_BAHASA_IBUNDA_TERHADAP
- Nurfarain Abdul Rahman, Mohd Sohaimi Esa, Saifulazry Mokhtar, Sharifah Darmia Sharif Adam. (2022). *Persepsi Kaum Melayu Brunei Dalam Penerimaan Makanan Tradisional “Kelupis” Di Sabah*. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, Volume 7, PP. 281-293.
- Ong Su Teck, Nur Syahida Adilah Suri & Rahim Aman, 2016, *Fonologi Subdialek Pulau Pinang: Satu Kajian Di Balik Pulau*, *Journal of Social Sciences and Humanities*, vol. 11, no. 1 (2016) 186-201.
- Oxford Students*. (2012). United Kingdom: Oxford University Press.
- Rahman Affandi bin Abd Rahim, Muhammad Ikhlas Rosele, Ab Halim Ismail, Huzaimah Ismail, & Nor Adina Abd Kadir. (2017, Januari). *Terengganu Sebagai Pusat Perkembangan Islam Terawal di Malaysia: Analisa Sejarah*. Retrieved from ResearchGate: https://www.researchgate.net/publication/309287779_TERENGGANU_SEBAGAI_PUSAT_PERKEMBANGAN_ISLAM_TERAWAL_DI_MALAYSIA_ANALISA_SEJARAH
- Ruhi Baalbaki. (1995). *Al Maurid: A Modern Arabic - English Dictionary*. Dar El Ilm Lil Malayin.
- Saat Awang Damit. (2015) . *Sejarah dan Kesenian Masyarakat Brunei Sabah, 2015. Dalam Bilcher Bala. Penghijrahan Masyarakat Melayu Brunei Ke Sabah*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2010). *Perbandingan Dialek Bajau Kota Belud dan Bajau Semporna, Sabah*. *Jurnal Melayu*, (5) 2010, 333-374.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2020). *Entri Dialek Melayu Brunei ke dalam Bahasa Bajau: Satu Catatan Awal*. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 8(2), 2020: 63 – 77

- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2020). *Pengaruh Dialek Melayu Brunei Dalam Dialek Melayu Sabah*. *Jurnal Melayu*. 19 (1) 2020.
- Sintian, Minah. (2017). Variasi leksikal dalam dialek keluarga Dusun di Sabah. Dimuat turun daripada <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/68472/>
- Suraya Sintang. (2003). *Penganutan Agama Islam Dan Kristian Kalangan Masyarakat Kadazandusun Di Sabah*. *Jurnal Usuluddin*, Bil 18 [2003], 59-80.
- Syamsul Azizul Marinsah, Asmiaty Amat dan Aisyah Tamby Omar. (2020). *Ritual Perubatan Tradisional Etnik Bajau Di Sabah: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam*. *MANU Bil.* 31 (1), 73-95, 2020.

Gambar daripada :

<https://pemandanganhd.blogspot.com/2019/07/penting-32-peta-malaysia.html>

<https://peta-hd.com/peta-sabah/>

PENGGUNAAN APLIKASI *YOUTUBE* DI DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB UNTUK PENUTUR BUKAN JATI

Nor Effendy b Ahmad Sokri
noreffendy@kuis.edu.my

Muhammad Sirajuddin b Nik Ab Hadi
sirajuddin@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Kemajuan dalam komunikasi dan maklumat, multimedia, dan teknologi baharu yang lain telah mengubah paradigma pendidikan daripada menggunakan metod pengajaran tradisional kepada pengajaran berasaskan teknologi. Aplikasi *YouTube* ialah tapak sesawang perkongsian video popular yang membenarkan pengguna memuat turun, menonton dan berkongsi klip video secara percuma. Aplikasi ini tidak asing lagi di zaman moden ini. Kebanyakan orang sudah terbiasa dengan aplikasi *YouTube* kerana ia berupaya membantu mereka sama ada dalam urusan pekerjaan atau pendidikan. Pengkaji akan menjalankan kaedah kajian perpustakaan di mana kajian yang dijalankan tidak akan melibatkan aktiviti di lapangan. Melalui kajian ini, pengkaji akan cuba melihat sejauh mana aplikasi *YouTube* berpotensi membantu pelajar bukan penutur jati di dalam pembelajaran bahasa Arab. Seterusnya, pengkaji akan cuba melihat aspek kelemahan ketika aplikasi ini digunapakai oleh pelajar semasa mempelajari bahasa Arab. Di akhir kajian, pengkaji akan memberikan cadangan-cadangan dan rumusan berkaitan penggunaan aplikasi *YouTube* di dalam pembelajaran bahasa Arab.

Kata kunci: *bahasa Arab, YouTube, pembelajaran, pelajar bukan penutur jati*

Pengenalan

Pada zaman serba canggih ini, hampir semua aktiviti boleh dilakukan dengan bantuan teknologi. Teknologi dan pembelajaran adalah dua perkara yang saling melengkapi. Pembelajaran adalah satu aktiviti yang kompleks kerana ia bukan sahaja tentang penyampaian maklumat, tetapi ia juga melibatkan aktiviti profesional seperti aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Seorang pendidik yang baik ialah apabila dia menggunakan kemahiran asas pengajaran secara menyeluruh untuk menjadikan penyampaian ilmu menjadi lebih efisien. Oleh yang demikian, media sosial dilihat memainkan peranan yang sangat penting dalam menjadikan maklumat dan kemudahan pendidikan lebih mudah diakses dalam proses pembelajaran.

Tidak dapat dinafikan bahawa kemajuan dalam komunikasi dan maklumat, multimedia, dan teknologi baharu yang lain telah mengubah paradigma pendidikan daripada penggunaan metod pengajaran tradisional kepada metod pengajaran berasaskan teknologi. Perkembangan positif ini

dapat dilihat ketika mana institusi pendidikan di seluruh dunia telah memulakan langkah untuk menyatukan teknologi baharu ke dalam kurikulum dan reka bentuk kursus sedia ada bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran bilik darjah. Melalui persekitaran pembelajaran yang telah dipertingkatkan, teknologi ini diyakini berupaya membantu pelajar berinteraksi dengan kandungan, rakan sebaya dan guru dengan lebih efektif. Kewujudan peranti digital yang canggih seperti telefon bimbit dan pad pintar telah menjadikan ia sebagai alat pembelajaran yang popular dalam pendidikan baharu kerana melalui penggunaannya pembelajaran dapat dilakukan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja (Rho & Kang, 2019).

Selaras dengan perkembangan ini, maka didapati bahawa di antara media sosial yang paling relevan pada masa kini ialah aplikasi *YouTube*. Aplikasi ini digunakan secara meluas di seluruh dunia dengan pelbagai tujuan seperti hiburan, pendidikan, perniagaan, politik, sains dan teknologi dan sebagainya.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan kepustakaan atau dikenali sebagai *Library Research* merupakan kaedah yang biasa digunakan oleh para pengkaji untuk mendapat data dan bukti kajian. Kaedah ini merupakan salah satu kaedah yang penting untuk bagi mendapatkan maklumat atau kosa ilmu bagi menyempurnakan kajian ini. Pengkaji telah menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan seberapa banyak dapatan atau maklumat yang relevan dengan tajuk kajian. Proses mendapatkan maklumat terfokus kepada membuat pembacaan ke atas artikel-artikel tentang penggunaan *YouTube* dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Di samping itu, pengkaji juga merujuk kepada laman sesawang yang menyediakan maklumat atau data yang relevan dengan tajuk kajian. Akhirnya, kesemua maklumat yang diperolehi dari proses pembacaan itu digunakan oleh pengkaji untuk menyiapkan penulisan kajian ini.

Latar Belakang YouTube

YouTube ialah sebuah laman sesawang pengehosan video Amerika Syarikat yang beribu pejabat di *San Bruno, California*. Perkhidmatan ini telah dicipta pada Februari 2005 oleh tiga bekas pekerja *PayPal* iaitu *Chad Hurley, Steve Chen* dan *Jawed Karim*. Pada November 2006, ia telah dibeli oleh *Google* dengan harga AS\$1.65 bilion. Kelebihan laman sesawang ini ialah ia membenarkan para pengguna untuk memuat naik, menonton, menilai ulasan, berkongsi, menambahkan ke kegemaran, melaporkan dan memberi komen kepada kandungan video dan ia menggunakan teknologi seperti *WebM, H.264/MPEG-4 AVC* dan *Adobe Flash Video* untuk memaparkan pelbagai jenis media video yang telah dihasilkan para pengguna. Kandungan yang tersedia di dalam *YouTube* ialah seperti klip-klip video dan rancangan televisyen, video muzik, filem pendek dan dokumentari, berita, rakaman audio, *trailer* filem dan kandungan lain seperti blog video, video asli pendek dan video pendidikan (Wikipedia, 2022). Ironinya, *YouTube* bukanlah aplikasi yang baharu dan asing pada zaman moden ini disebabkan kebanyakan orang biasa dari semua peringkat umur telah menggunakan aplikasi *YouTube* untuk tujuan pendidikan atau pekerjaan (Darsa & Antika, 2020).

Menurut sumber yang dipetik dari laman sesawang *global media insight (2022)* jumlah tontonan *YouTube* bagi tahun 2022 ialah seramai 2.6 bilion. Dalam hal ini, negara India telah dikenal pasti

sebagai negara yang mencatatkan jumlah tontonan tertinggi di dunia iaitu sebanyak 467 juta tontonan. Penyelidikan oleh Burke *et al*, menunjukkan bahawa penggunaan *YouTube* setiap hari boleh mencapai 100,000 tontonan, sebanyak 65,000 muat naik video baru dan mencapai 20 juta pelawat sebulan dengan pelbagai pelawat berumur 12-17 tahun. Melihat kepada data ini, maka ia dapat mengukuhkan lagi bahawa aplikasi *YouTube* sangat popular di kalangan remaja dan ini membuka peluang kepada para pendidik menggunakannya sebagai satu medium pendidikan (Hantoro, 2021).

Faedah Aplikasi *YouTube*

Menurut Ilmiani (2020), memanfaatkan multimedia interaktif seperti aplikasi *YouTube* boleh membantu para pendidik dalam menyampaikan kandungan pembelajaran, terutamanya dalam menunjukkan kandungan pelajaran. Selain itu, pendidik dapat menarik minat dan perhatian pelajar yang kurang bermotivasi untuk mempelajari bahasa Arab. Menurut Darsa & Antika (2020), di dalam pembelajaran bahasa Arab pelajar akan menemui banyak video pengajaran tentang sintaksis, morfologi, pertuturan, pembacaan dan lain-lain.

Darsa & Antika (2020) telah menyenaraikan faedah-faedah yang dimiliki oleh *YouTube* iaitu seperti berikut:

1. Menyediakan perkhidmatan secara percuma.
2. Membenarkan pengguna untuk muat turun.
3. Mengakses dan berkongsi maklumat mengenai isu teknikal.
4. Mengakses *video streaming* sama ada secara langsung atau tidak langsung.
5. Membuat iklan dan memasarkan produk.
6. Mengakses video informatif.
7. Menyokong industri hiburan.
8. Memperkuatkan penjenamaan syarikat atau institusi.
9. Mengetahui Respon dan Komentar Khalayak melalui *feature* “like”, “dislike” dan “comments”.
10. Memudahkan pengguna mempelajari kemahiran asas penciptaan video.

Saluran Pembelajaran Bahasa Arab Di Aplikasi *YouTube*

Menurut Darsa & Antika (2020), terdapat banyak saluran yang menawarkan kandungan untuk pembelajaran bahasa Arab. Berikut ialah di antara saluran-saluran pembelajaran bahasa Arab yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar iaitu:

- 1) Saluran Program Belajar Islam dan Bahasa Arab (BISA)
Saluran menghidangkan bahan pengajaran bahasa Arab terutama *An-Nahw* dan *As-Şorf* serta ilmu agama Islam seperti *Tarbiyyat Al-Aulād*, *Tahsīn wa Tahfīdz Al-Qur’an*. Dalam bentuk video animasi. Sumber pelajaran bahasa Arab adalah dari rujukan *Al-ĀJurrumiyyah*.
- 2) Saluran *Al-Muqarrarāt Al-Maftūhah*
Pembelajaran Bahasa Arab yang Biasa Digunakan ialah *Al-Imlā’* dan Subjek Bahasa Arab Biasa. Bahasa Arab penuh digunakan dalam saluran ini. Dan biasanya saluran ini digunakan secara meluas untuk latihan imla. Dalam saluran ini anda boleh menggunakannya sebagai

latihan untuk mendengar kemudian menulis dan *Al-Imlā'*. Bahasa Arab yang digunakan dalam video tersebut juga jelas dan mudah untuk difahami.

3) *Ārām Tī Fī (Arām TV)*

Menghidangkan isu-isu kemasyarakatan seperti konflik yang dihadapi oleh golongan remaja yang dianggapkan kritikal dalam masyarakat dan solusi untuk meningkatkan kualiti remaja baik dari segi intelektual dan sahsiah.

4) *Thaqqif Nafsak*

Saluran ini mengandungi potongan-potongan klip video tentang kejadian luar biasa ataupun hal-hal menarik seperti “Siapakah yang pertama kali ke langit” , ”Perkara yang berlaku kepada unta selepas memakan ular berbisa” dan lain-lain.

5) *Arabic Music Lovers Indonesia*

Saluran ini mengandungi klip-klip lagu Arab yang telah disertakan teks bahasa Arab dan terjemahannya ke dalam bahasa Melayu. Ia membantu pelajar untuk memahami lirik dengan baik.

6) *Dalīl Al-‘Arabiyyah*

Saluran ini mengandungi video pembelajaran atau kuliah terbuka tentang pembelajaran bahasa Arab.

7) *Qanāt Al-Azhār Al-Ta’limiyyah*

Saluran ini mengandungi rakaman kuliah pengajaran dari para pendidik.

Sementara itu, Lutfiyatun (2022) telah membuat kajian ke atas saluran *YouTube* yang sesuai untuk dirujuk oleh pelajar dalam meningkatkan kemahiran mendengar dalam bahasa Arab iaitu:

1. Arab Podcast

Saluran *YouTube* ini menyediakan kandungan yang dapat membantu pelajar bergaul dengan lebih baik dengan sebutan penutur asli supaya lebih terbiasa mendengar ucapan bahasa Arab. Ia mengandungi kandungan yang berkaitan dengan perbualan bahasa Arab, penjelasan kosa kata, dan budaya Arab. Selain daripada itu, kandungannya juga telah ditonton lebih daripada ratusan ribu kali. Dalam pada itu, saluran ini menyediakan juga beberapa senarai main video yang boleh dimainkan berulang-ulang kali untuk pelajar memahami apa yang telah didengar. Untuk lanjutan terdapat senarai main video dengan kandungan monolog mendengar perenggan atau cerita pendek. Seterusnya, pendidik boleh menyesuaikan kandungan video dengan topik pengajaran supaya penggunaan media ini menjadi lebih efektif.

2. *Dars Arobi*

Saluran *Dars Arobi* lebih menumpukan pada kandungan mendengar untuk pemula dan kanak-kanak. Kandungan yang dibuat adalah dalam bentuk bahan mendengar perbendaharaan kata, frasa dan ayat mudah. Ciri yang lain pula adalah seperti senarai main (*playlist*) untuk latihan mendengar di mana ia menyediakan sebanyak 14 sesi kepada pelajar. Kemudahan-kemudahan

yang terdapat di saluran ini membuka peluang keemasan kepada pendidik dan pelajar memperkukuhkan kemahiran mendengar (*mahārāt al-istimā'*)

3. Saluran Ammiko Az

Ammiko Az menumpukan kepada persembahan kandungan dalam bentuk filem animasi pendek berbahasa Arab berdurasi antara 3 hingga 7 minit. Selain itu, saluran ini juga mempersembahkan kandungan-kandungan bertahap sederhana seperti kosa kata berserta penjelasannya dan dialog pendek bertemakan kegiatan harian. Pendidik boleh menggunakan Ammiko Az sebagai medium dalam mengoptimumkan kemahiran mendengar pelajar. Saluran ini juga sesuai untuk pelajar dalam kategori kanak-kanak hingga remaja kerana kandungannya sangat mesra kanak-kanak dan terdapat mesej moral di akhir video.

Keberkesanan *YouTube* Di Dalam Pembelajaran Bahasa Arab

1- Meningkatkan kemahiran mendengar

Menurut penelitian yang dibuat oleh Hamidah dan Marsiah (2020), didapati aplikasi *YouTube* dapat meningkatkan kemahiran mendengar pelajar. Melalui penggunaan video *YouTube* pelajar dapat menajamkan kemahiran mendengar kepada kandungan pelajaran berkaitan sebutan bahasa Arab yang diucapkan dengan cepat dan kosa kata yang tidak diketahui maknanya. Pelajar akan memainkan berulang-ulang kali video pembelajaran sehinggalah mereka mampu menangkap perkataan yang didengari, seterusnya memahami makna semua kosa kata yang disampaikan. Sementara itu, hasil penelitian Jabbar, Kahar & Wahyuddin (2022) menyatakan bahawa Kaedah *YouTube* yang dilaksanakan dalam mata pelajaran bahasa Arab sangat berkesan dan dapat meningkatkan kemahiran mendengar pelajar MA al-Ikhlās Labunti Raha Tenggara Sulawesi gred 10.

2- Meningkatkan kemahiran bertutur.

Rukmantara (2022) telah menyatakan bahawa penggunaan "*Arab Podcast*" dalam pembelajaran kemahiran bertutur (*Mahārāt al-Kalām*) adalah cara yang berkesan untuk memahami bahan tersebut dengan mudah. Strategi ini dijalankan sebagai usaha untuk merealisasikan pembelajaran yang berjaya termasuklah penggunaan kandungan podcast Arab baik audio dan visual. Walaupun hanya bahan pengajaran tambahan, aktiviti ini agak berkesan dalam memahami bahan kemahiran bertutur (*Mahārāt al-Kalām*).

3- Meningkatkan Motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab

Menurut penelitian Hantoro (2021) motivasi belajar pelajar di institusi pengajian Muhammadiyah Tanjungpinang yang menggunakan *YouTube* sebagai media pembelajaran bahasa Arab mengalami peningkatan motivasi belajar sebanyak 80% iaitu dalam kategori sangat baik. Dapat dilihat bahawa keghairahan dan semangat para pelajar meningkat selama pembelajaran menggunakan *YouTube* sebagai media pembelajaran. Dapatan ini disokong oleh Azzahra (2021) di mana kajian yang dilakukan dalam kalangan pelajar Madrasah Aliyah Pondok Pesantren Yasrib Pattansopeng bagi mata pelajaran bahasa Arab telah menunjukkan bahawa pelajar menunjukkan minat yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa Arab. Ini adalah kerana ciri *YouTube* itu sendiri boleh diakses di mana-mana dan pada bila-bila masa yang

dikehendaki oleh pelajar. Selain itu, pembelajaran melalui *YouTube* sangat interaktif, fleksibel dari aspek masa dan tempat, penerangan yang jelas dan mudah untuk difahami menjadi faktor minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Selain itu, kajian Azhari & Hilmi (2022) menunjukkan bahawa pelajar Program Pengajian Pendidikan Guru Madrasah Ibtidaiyah (PGMI) telah memberikan respons positif terhadap penggunaan media *YouTube* sebagai medium pembelajaran dalam kursus pengajian bahasa Arab memandangkan ia merupakan media mudah, inovatif dan kreatif.

Kekurangan Aplikasi *YouTube*

Sebagaimana yang dimaklumi bahawa aplikasi ini mempunyai banyak faedah atau kelebihan di mana ia memberi manfaat besar di dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, terdapat juga kekurangan yang memberi natijah negatif kepada pengguna.

Di dalam membincangkan kekurangan penggunaan aplikasi *YouTube* sebagai medium pembelajaran dalam kalangan pelajar, Karami (2021) telah menyatakan hasil kajiannya bahawa didapati pelajar kurang berpuas hati dengan bahan yang disampaikan dalam video *YouTube*. Hal ini tercetus kerana pelajar tidak berpeluang untuk bertanya soalan sekiranya mereka berdepan dengan kemusykilan. Pada waktu yang sama, masih terdapat video-video yang tidak sesuai untuk ditonton terutama untuk kanak-kanak di bawah umur.

Kesimpulan

Tidak dapat dinafikan bahawa ciri-ciri video audio dalam aplikasi *YouTube* dapat membantu pelajar memahami kandungan pelajaran, salah satunya ialah dalam mempelajari bahasa Arab. Oleh itu, penggunaan *YouTube* secara bijak akan membantu penggunaannya untuk meningkatkan kefahaman dan penguasaan kemahiran dalam bahasa Arab. Tambahan pula, memang diakui bahawa aplikasi *YouTube* sangat popular dan diterima oleh golongan pelajar. Perkembangan ini sewajarnya diberikan perhatian oleh golongan pendidik kerana di sebalik kebaikan *YouTube* tidak dapat disangkal ia juga mempunyai kekurangan dan implikasi negatif kepada para pelajar. Oleh itu, dalam hal ini para pendidik mempunyai peranan penting untuk memberikan kesedaran yang lebih berkesan kepada pelajar tentang menjaga disiplin dan adab semasa menggunakan *YouTube*. Usaha ini merupakan komitmen berterusan dan iltizam seorang pendidik untuk memastikan pelajar dapat mengoptimumkan penggunaan *YouTube* semasa pembelajaran bahasa Arab. Kesimpulannya, aplikasi *YouTube* telah membuka peluang dan potensi yang besar kepada pelajar untuk mempelajari dan menguasai kemahiran bahasa Arab secara maksimal dalam persekitaran pembelajaran yang fleksibel dengan masa dan tempat.

Rujukan

- Azhari, A., & Hilmi, D. (2022). Penggunaan *YouTube* Dalam Kajian Pembelajaran Bahasa Arab pada Mahasiswa PGMI. *EL-IBTIKAR: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 11(1), 28-44.
- Azzahra, A. (2021). Atsar Istikhdam Al-Wasiilah *YouTube* Limahaarai Al-Kalam Fii Ta'lim Al-Lughoh Al-Arabiyah Ladaa Talamidz Bimadrosah Raudlatul Hikmah Al-Ibtidaiyah Al-Islamiyah Tangerang Selatan.

- Darsa, M. R., & Antika, Y. (2020). Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Sosial Media. *Multaqa Nasional Bahasa Arab*, 3(1).
- Hamidah, H., & Marsiah, M. (2020). Pembelajaran maharah al-istima' dengan memanfaatkan media *YouTube*: problematika dan solusi. *Al-Ta'rib: Jurnal Ilmiah Program Studi Pendidikan Bahasa Arab IAIN Palangka Raya*, 8(2), 147-160.
- Hantoro, R. R. (2021). Motivasi Belajar Bahasa Arab Melalui *YouTube* di Panti Asuhan Muhammadiyah Tanjungpinang. *Nun: Journal of Arabic Studies*, 1(1), 16-29.
- Ilmiani, A. M., Ahmadi, A., Rahman, N. F., & Rahmah, Y. (2020). Multimedia interaktif untuk mengatasi problematika pembelajaran Bahasa Arab. *Al-Ta'rib Jurnal Ilmiah Program Studi Pendidikan Bahasa Arab*, 8(1), 17-32.
- Jabbar, M. A., Kahar, F., & Wahyudin, W. (2022). Penggunaan Media *YouTube* dalam Meningkatkan Keterampilan Mendengar Bahasa Arab Kelas X MA Al-Ikhlas Labunti Raha Sulawesi Tenggara. *Education and Learning Journal*, 3(2), 108-116.
- Karami, V. E., & Rif'ah, I. (2021). Penggunaan Aplikasi Berbasis Audio Visual (*YouTube* Dan *Tiktok*) Sebagai Media Pembelajaran Bahasa Arab. *semnasbama*, 5, 378-388.
- Lutfiyatun, E. (2022). Optimasi Keterampilan Menyimak Bahasa Arab Dengan Media *YouTube*. *Tarbiyatuna: Jurnal Pendidikan Ilmiah*, 7(1), 1-14.
- Rho, S., & Kang, D. (2019). Introduction to the special issue on advances in multimedia and educational technology. *New Review of Hypermedia and Multimedia*, 25(3), 87-88.
- Rukmantara, R. A., & Gumindari, S. (2022). Penggunaan Audio Visual Youtube “Arabic Podcast” Pada Pembelajaran Maharah Kalam di SMA Muhammadiyah 4 Depok. *Jurnal Pendidikan dan Konseling (JPDK)*, 4(5), 2459-2466.

Laman sesawang:

Wikipedia, (2022).

[Online] : <https://ms.wikipedia.org/wiki/YouTube> (akses pada 20 November, 2022)

Global Media Insight, (2022).

[Online] : <https://www.globalmediainsight.com/blog/YouTube-users-statistics/> (akses pada 20 November, 2022)

**PENGGUNAAN KAMUS DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB; SATU
TINJAUAN DI KALANGAN PELAJAR PUSAT MATRIKULASI KOLEJ UNIVERSITI
ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR**

Hakimi Bin Abd Halim¹
hakimi@kuis.edu.my

Noor Hazleena Binti Mohd Nor Hazlee²
noorhazleena@kuis.edu.my

Universiti Islam Selangor (UIS)

ABSTRAK

